

BAB 2

KAJIAN LEPAS

2.0 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan kajian-kajian lepas yang dapat dikaitkan dengan konsep malu orang Melayu. Hakikatnya, konsep malu telah lama sebatu dalam diri dan kehidupan orang Melayu tetapi kajian mengenainya tidak banyak dilakukan. Berdasarkan penelitian, kajian di peringkat nasional didapati lebih tertumpu kepada aspek-aspek seperti kesantunan berbahasa, nilai sosial, adat, budaya, kepercayaan, asal-usul, hubungan kekeluargaan, dan pemikiran masyarakat Melayu. Tidak dinafikan, ada di antara kajian-kajian tersebut yang mengandungi unsur malu tetapi ianya dipaparkan secara tidak langsung. Hal ini menyebabkan, konsep malu orang Melayu tidak dapat diteroka secara luas dan mendalam sedangkan kajian mengenainya perlu dilakukan dengan teliti. Hasil kajian yang dilakukan oleh sarjana Barat pula dikatakan menyimpang daripada landasan realiti sebenar yang dialami oleh bangsa Melayu (sila rujuk bahagian 1.9, muka surat 43-45). Hal ini tidaklah menghairankan kerana mereka tidak memahami selok-belok adat, budaya, kepercayaan, agama dan nilai orang Melayu itu sendiri. Justeru, kupasan kajian mereka lebih menjurus kepada pandangan peribadi dan tidak mencerminkan konsep malu orang Melayu yang sebenarnya.

Hakikatnya, pengkajian mengenai konsep malu orang Melayu memerlukan penghayatan dan kesedaran yang mendalam daripada jiwa pengkaji itu sendiri.

Dalam Bab 2 ini, kajian mengenai kesantunan berbahasa akan turut dibincangkan kerana ia berkait rapat dengan konsep malu orang Melayu. Ini kerana, sifat dan emosi malu merupakan sebahagian daripada elemen yang terkandung dalam fenomena kesantunan berbahasa. Secara umumnya, kesantunan berbahasa atau kesopanan bahasa boleh ditakrifkan sebagai bentuk bahasa (kata, frasa/rangkaian kata, atau ayat) dan / atau penggunaan bahasa (cakap secara berkias/berlapik atau cakap secara tidak berterus terang), yang bermaksud untuk berlaku sopan kepada orang yang mendengar atau diajak bercakap. Ia bertujuan untuk menghormatinya, di samping memperlihatkan kesopanan terhadap orang yang bercakap agar dia dianggap sebagai berbudi bahasa (Teo Kok Seong, 2003:15). Kesantunan bahasa diukur dengan berdasarkan kepatuhan pengguna bahasa kepada peraturan yang terdapat dalam bahasa sesuatu masyarakat. Ini kerana setiap masyarakat atau bangsa mempunyai peraturan bahasa masing-masing. Secara prinsipnya, kesantunan bahasa merujuk kepada kepatuhan terhadap sistem bahasa, yang meliputi sistem atau aturan linguistik dan kemudian sistem sosial. Akhirnya, ia akan melibatkan aspek pragmatik (Awang Sariyan, 2007:xvii).

Sorotan kajian lepas dibahagikan kepada kajian tempatan dan kajian luar negara. Kajian-kajian tempatan yang akan diteliti termasuklah kajian yang telah dilakukan oleh Mohamed Mansor Abdullah (1993), Mulyadi (2001), Abd Rahman Abd Majeed (2004), Robert Sibarani (2004), Teo Kok Seong (2003),

Asmah Hj. Omar (1992) dan Shaharuddin Maaruf (2005). Manakala, kajian luar negara pula tertumpu kepada kajian yang dilakukan oleh Stella Ting-Toomey (1988), Muriel Saville-Troike (1991) dan Geoffrey Leech (1993). Kajian Geoffrey Leech mengutamakan prinsip pragmatik yang memperlihatkan pertalian dan perkaitan antara maksud dengan kuasa. Secara asasnya, prinsip ini cuba meminimumkan pernyataan kepercayaan yang tidak sopan dan memaksimumkan pernyataan kepercayaan yang sopan dengan tujuan untuk menjaga perasaan individu lain berbanding dirinya. Berdasarkan kajian-kajian lepas ini, penjelasan mengenai konsep malu orang Melayu dijangkakan dapat dihuraikan dengan lebih baik.

2.1 Mohamed Mansor Abdullah (1993)

Mohamed Mansor Abdullah telah menghasilkan kajian yang bertajuk, “Konsep Malu dan Segan Orang Melayu Berdasarkan Hikayat dan Cerita Melayu Lama” (1993:244-290). Melalui kajiannya, beliau telah memperhalusi unsur psikologi orang Melayu dari sudut kejiwaan yang mengandungi konsep malu dan segan. Konsep ini tidak hanya tertumpu kepada perasaan atau emosi individu semata-mata, tetapi turut mengandungi satu sistem nilai dan kepercayaan dalam sesebuah masyarakat. Bertitik tolak daripada sinilah, Mohamed cuba menghuraikan sebab-sebab mengapa orang Melayu mempunyai sikap malu dan segan. Selain itu, kajian ini juga ingin mengenal pasti reaksi atau tindak balas yang ditunjukkan oleh orang Melayu apabila mendapat malu. Seterusnya, apakah pula unsur positif di sebalik tindak-tanduknya itu baik terhadap harga dirinya,

bangsanya mahupun agamanya. Adalah penting untuk mengetahui sebab akibatnya supaya orang Melayu itu sendiri dapat membuat perbandingan, perbincangan, dan penganalisaan terhadap sesuatu tindakan. Pada masa yang sama, satu justifikasi dapat dilakukan sama ada tindakan tersebut munasabah, logik, wajar dan berpatutan ataupun tidak.

Kajian yang dilakukan oleh Mohamed tertumpu kepada hasil karya kreatif (cereka) penulis zaman dahulu, iaitu berdasarkan kepada cerita-cerita dalam hikayat-hikayat Melayu lama. Sebanyak 34 buah buku dan hikayat Melayu lama telah dikaji, tetapi hanya 29 buah sahaja yang relevan dengan aspek kajiannya. Taburan buku yang digunakan dalam kajian ini adalah mengikut daerah, iaitu Semenanjung Tanah Melayu (21 buah), Tanah Jawa (6 buah) dan Pulau Sumatera (2 buah). Buku-buku tersebut berjudul *Hikayat Abdullah, Kisah Raja-Raja Pasai, Hikayat Misa Taman Jayeng Kesuma, Tjindur Mata, Roro Mendut, Tjandra Kirana, Hikayat Inderaputera, Batu Belah Batu Bertangkup, Bawang Putih Bawang Merah, Si Tenggang Anak Derhaka, Hikayat Terung Pipit, Selindung Bulan Kedah Tua, Hikayat Damarwulan, Juragan Budiman, Bunga Rampai Melayu Kuno, Nusa dan Bangsa Melayu, Hikayat Marakarma, Hikayat Parang Puting, Hikayat Sempurna Jaya, Hikayat Hang Tuah, Hikayat Pendawa Lima, Bunga Rampai Kebudayaan Melayu, Hikayat Malim Deman, Hikayat Malim Dewa, Hikayat Raja Muda, Megat Terawis, Hikayat Merong Mahawangsa, Sejarah Melayu dan Raja Donan.*

Menurut Mohamed, orang Melayu menerima konsep malu dan segan sebagai suatu nilai mutlak yang luhur serta merupakan maruah bangsanya. Berasaskan konsep ini, amalan dan tingkah laku orang Melayu banyak bersandarkan kepada nilai-nilai yang telah ditetapkan sekaligus memperlihatkan cara hidup yang teratur. Selain itu, konsep ini turut memainkan peranan penting dalam menentukan maruah dan kehormatan bangsa Melayu. Walau bagaimanapun, sistem nilai dan kepercayaan ini mesti dijaga dan dikawal dengan sebaik mungkin serta berterusan supaya, ianya tidak menyimpang daripada landasan sebenar. Berasaskan ini, orang Melayu yang beragama Islam mesti berpegang teguh kepada konsep aib dan malu seperti mana yang digariskan Islam, iaitu bersandarkan kepada Al-Quran dan as-Sunnah. Ini bermakna, orang Melayu mestilah menjaga tingkah laku, amalan, kepercayaan dan cara hidupnya sesuai dengan konsep yang didukung.

Dalam hubungan kemasyarakatan, kepatuhan terhadap konsep malu dianggap sebagai satu amalan biasa yang mesti diamalkan oleh orang Melayu jika ingin berada dalam kelompok masyarakatnya. Masyarakat Melayu dahulu kala dikatakan sanggup membuang dan mengorbankan ahlinya, jika didapati ahlinya itu memberi malu kepada keluarganya mahupun masyarakatnya. Malah, mereka yang mendapat malu akan sanggup melakukan apa sahaja bagi menutup aib, malu dan hina dirinya. Dalam erti kata lain, mereka lebih rela mati daripada menanggung malu dan hina. Ini disebabkan kepatuhan mereka terhadap sistem adat dan kepercayaan yang diwarisi turun-temurun. Sila rujuk bahagian 1.8 di muka surat 36 hingga 37 untuk keterangan lanjut.

2.1.1 Subkonsep Malu dan Segan Orang Melayu

Dalam kajiannya, Mohamed Mansur Abdullah telah menggariskan empat subkonsep malu dan segan orang Melayu yang akan dibincangkan secara mendalam dalam Bab 3. Keempat-empat subkonsep malu dan segan itu adalah:

1. Rasa Malu

Perasaan rendah diri ataupun merasa segan dan silu terhadap kekurangan yang ada pada diri sendiri jika dibandingkan dengan orang lain.

2. Diberi Malu

Perbuatan yang keji, hina dan jijik yang dilemparkan oleh seseorang itu kepada orang lain sehingga orang yang menerimanya berasa hina dan rendah diri.

3. Mendapat Malu

Apabila seseorang individu itu dimalukan, dia akan mendapat malu yang lebih besar. Ini bererti dia terhina dan terkeji daripada sudut pandangan orang lain.

4. Memalukan

Tindakan, perbuatan, tingkah laku ataupun sikap yang ditunjukkan oleh seseorang individu yang dianggap menjijikkan. Ia dianggap keji dan sumbang oleh agama dan masyarakat.

2.1.2 Peristiwa Malu dalam Sastera Melayu Lama

Kajian yang dilakukan oleh Mohamed mendapati terdapat banyak peristiwa malu dalam buku dan hikayat Melayu lama. Peristiwa malu itu berlaku

dalam kalangan rakyat biasa, anggota keluarga, golongan istana, pembesar dan sebagainya. Dalam hubungan ini, bukan semua orang Melayu dapat menerima peristiwa malu dengan tenang dan terbuka. Sebaliknya, sikap, peribadi dan jenis peristiwa malu yang dialami menjadi penentu sekali gus mempengaruhi tindakan atau reaksi seseorang itu. Kajian mendapati, banyak peristiwa yang memperlihatkan seseorang itu bertindak apabila dia diberi malu atau dicabar. Hal ini ditunjukkan dalam Jadual 1: Sebab-sebab Bertindak (muka surat 65-66). Pada dasarnya, orang Melayu menunjukkan reaksi terhadap peristiwa malu dalam dua bentuk iaitu:

1. Terima Malu dan Bertindak Agresif
2. Terima Malu Secara Rasional dan Bersahaja

2.1.2.1 Terima Malu dan Bertindak Agresif

Bermula daripada peristiwa malu, seseorang itu akan terdorong untuk bertindak dengan lebih agresif jika dia tidak lagi dapat menanggung perasaan malu itu. Hasil analisis, Mohamed telah menyenaraikan tujuh alasan yang menyebabkan orang Melayu bertindak secara agresif. Berikut adalah contoh peristiwa dan tindakan yang didorong oleh perasaan malu.

1. Bertindak kerana Dicabar / Diberi Malu

Dalam hikayat *Juragan Budiman* dipaparkan peristiwa Jauhar Manikam terpaksa menentang Raja Puteri. Pada mulanya, Jauhar Manikam tetap bersabar walaupun dia dinista. Tetapi, apabila dia berterusan diberi aib dan dicabar oleh Raja Puteri itu, maka akhirnya

Jauhar Manikam menyahut cabaran tersebut. Kata-katanya, “*Dari hidup menanggung malu, lebih baiklah patik mati berkalang tanah*” jelas menunjukkan bahawa Jauhar Manikam tidak rela dirinya dimalukan.

2. Bertindak kerana Rasa Terhina / Maruah Diri

Orang Melayu cukup pantang jika maruah dan harga dirinya dicemar. Mereka sanggup mati daripada menanggung malu dan aib. *Sejarah Melayu* ada menceritakan satu peristiwa, iaitu Bendahara Seri Wak Raja berasa malu dan terhina apabila lambat masuk menghadap Sultan Muzaffar Syah. Sebaik-baik sahaja beliau tiba, Sultan Muzaffar Syah pun masuk. Bendahara menyangka raja murka terhadapnya, lalu beliau meminum racun kerana tidak sanggup menanggung malu.

3. Bertindak kerana Mungkir Janji

Janji atau sumpah setia mempunyai pengertian yang besar kepada orang Melayu di Nusantara. Seseorang yang memungkir janji dianggap sengaja hendak memberi malu. Sebagai reaksi daripada malu yang diterima, tindakan ganas kerap dilakukan. Dalam *Sejarah Melayu*, diceritakan tentang Patih Adam yang merasa malu kerana Seri Nara Diraja mungkir janji untuk mengahwinkan anaknya dengan beliau setelah anak perempuannya dewasa. Apabila diketahui bahawa itu cuma olok-olok, maka Patih Adam naik berang dan menculik anak perempuan Seri Nara Diraja.

4. Bertindak kerana Maruah Keluarga

Orang Melayu tradisional cukup menjaga nama baik keturunan dan keluarganya. Adalah sangat pantang bagi mereka jika maruah keluarganya dicemar. Oleh itu, setiap ahli keluarga mesti mempertahankan maruah dan harga diri masing-masing. Dalam *Batu Belah Batu Bertangkup*, Tanjung rela membunuh diri dengan menyerahkan tubuh dan nyawanya ditelan oleh batu bertangkup. Tindakan Tanjung ini didorong oleh perasaan malu kerana perangai anak-anaknya yang terlalu tamak dan haloba. Tanjung merasa terhina kerana anak-anaknya yang telah dipelihara dengan penuh sopan santun akhirnya menjadi tamak dan mementingkan diri masing-masing.

5. Bertindak kerana Isteri/Anak/Tunangan Dilarikan

Orang Melayu dahulu dikatakan berpegang kuat kepada prinsip, "*biar putih tulang daripada putih mata*". Justeru, mereka sanggup bertindak di luar batasan jika maruahnya telah tercemar. Dalam *Sejarah Melayu*, Sultan Abdul Jamil dari Pahang menjadi murka dan merasa aib apabila tunangnya Tun Teja dilarikan oleh Hang Nadim ke Melaka. Sebagai seorang raja dan tunangan kepada Tun Teja, baginda tidak sanggup diberi malu dan berputih mata. Oleh itu, baginda telah membuat keputusan untuk menyerang Melaka melalui titahnya, "*Lihat oleh kamu sekalian, jika tidak Kepenyang ini kulanggarkan ke balairung Raja Melaka*".

6. Bertindak Menjaga Taraf dan Keturunan

Pepatah Melayu ada menyatakan, “*enggang sama enggang pipit sama pipit*”. Pepatah ini menggambarkan adat dan tradisi orang Melayu yang mementingkan taraf dan keturunan, terutamanya ketika memilih pasangan. Dalam *Tjandra Kirana*, dikisahkan kemarahan Prabu Djanggala, iaitu ayahanda Raden Panji terhadap anaknya kerana menikahi gadis yang bukan sedarjat dengan baginda. Oleh itu, baginda menitahkan anak lelaki keduanya, iaitu Temenggung Bradja Nata untuk membunuh gadis tersebut.

7. Perasaan Hasad Dengki / Cemburu dan Fitnah

Perasaan dengki dan cemburu yang keterlaluan boleh menyebabkan seseorang itu hilang pertimbangan dan bertindak terhadap orang yang dicemburuinya. Dalam *Roro Mendut*, terdapat kisah bagaimana Ki Tumenggung merasa cemburu dan dengki terhadap Pronoto yang berjaya memikat hati Roro Mendut sedangkan dirinya telah ditolak. Ini menyebabkan Ki Tumenggung menanggung malu lalu menyuruh orang membunuh Pronoto.

2.1.2.2 Terima Malu Secara Rasional dan Bersahaja

Hasil kajian turut menunjukkan, bukan semua orang Melayu akan bertindak balas dan agresif apabila mendapat malu. Tetapi, ada juga orang Melayu yang dapat menerima malu secara rasional dan bersahaja. Ini termasuklah dengan mendiamkan diri, mengalah dan bersikap tidak malu. Berikut adalah

contoh dan peristiwa yang menunjukkan orang Melayu menerima malu secara rasional dan bersahaja.

1. Malu tetapi Bersikap Pasif

Dalam sesetengah keadaan, orang Melayu tidak marah atau bertindak agresif sekali pun diberi malu dikhalayak ramai. Ada yang sanggup menerima malu dan bersikap pasif sebagai reaksi kepada perasaan tersebut. *Terung Pipit* ada menceritakan kisah Raja Bongsu yang malu dan terhina kerana berkelahi dengan saudara yang suatu ketika dahulu cukup akrab dengannya. Walau bagaimanapun, perasaan itu tidak menyebabkan Raja Bongsu bertindak agresif sebaliknya dia telah keluar meninggalkan negerinya.

2. Malu dan Mengalah

Orang Melayu juga sanggup menerima malu dengan cara mengalah. Dalam *Kisah Raja-Raja Pasai*, diceritakan peristiwa seorang pendekar Keling yang sombong dan takbur. Akhirnya, pendekar tersebut mendapat malu dan aib apabila dia melihat ketangkasan dan kepintaran Tun Beraim Bapa bermain segala jenis senjata. Oleh sebab malu, dia segera berangkat pulang sebelum berlawan. Begitu juga yang terjadi kepada Dewa Prakas dalam *Raja Donan* apabila dia malu kerana kekalahan ayam sabungnya di tangan Budak Buruk (Raja Donan) sendiri. Akibatnya, dia segera belayar ke Gunung Merak.

3. Sikap Tidak Malu

Ada masanya, orang Melayu bersikap tidak malu. Mereka sanggup melakukan sesuatu perbuatan yang dianggap mengaibkan. Perbuatan yang dilakukan itu selalunya dilakukan kerana tekanan, desakan dan faktor-faktor lain. Misalnya, dalam *Hikayat Hang Tuah* ada menceritakan mengenai Sultan Mansur Syah yang merupakan Sultan Melaka pada ketika itu. Baginda dikatakan bersikap tidak malu apabila sanggup menerima kembali Hang Tuah yang sebelum ini diperintahkan baginda untuk dibunuh. Ibaratnya, seperti, ‘menjilat ludahnya’ sendiri. Keputusan ini diambil kerana baginda berada dalam keadaan yang terdesak dan memikirkan keuntungan yang akan didapati apabila Hang Tuah membawa pulang Tun Teja.

Dalam *Sejarah Melayu*, diceritakan peristiwa Sultan Mahmud yang bernafsu buas. Baginda tidak malu dan segan sehingga berani mengusik isteri Tun Biajid dan tunangan Tun Sendang. Kemudian, baginda memperkosa isteri Tun Biajid dan Tun Dewi, tunangan Tun Sendang. Malah, baginda sanggup membunuh keluarga Tun Fatimah semata-mata kerana ingin memiliki Tun Fatimah. Dalam *Kisah Raja-Raja Pasai* pula diceritakan sikap tidak malu anak pada ayahnya. Ini dapat dilihat daripada perbuatan Tun Beraim Bapa yang sanggup berzina dengan salah seorang gundik ayahnya.

2.1.3 Sebab dan Jenis Tindakan

Kajian oleh Mohamed menjelaskan bahawa orang Melayu boleh bertindak agresif atau langsung terhadap lawannya apabila emosi malu telah menguasai mindanya. Melalui definisi yang telah dikemukakan oleh Baron dan Byrne, Ma'rof Redzuan (2001:206) menyatakan bahawa tingkah laku langsung merupakan perkara lumrah yang sering terjadi. Langsung merujuk kepada apa sahaja bentuk tingkah laku yang diarahkan ke matlamat untuk merosak, mencelaka, menyakit atau mencederakan manusia lain. Pada masa yang sama, manusia lain itu cuba untuk mengelak daripada tindakan atau perlakuan tersebut. Mahmood Nazar Mohamad (2005:362) pula menjelaskan, keagresifan seseorang itu boleh ditonjolkan secara langsung, iaitu dengan bersikap agresif terhadap objek atau individu lain bagi melepaskan tekanannya. Jadual 1 (muka surat 65-66) menunjukkan terdapat pelbagai alasan yang mendorong orang Melayu untuk bertindak. Manakala, Jadual 2 (muka surat 69-70) menunjukkan jenis-jenis tindakan yang diambil oleh orang Melayu apabila mengalami peristiwa malu. Seterusnya, Jadual 3 (muka surat 73) akan menunjukkan taburan dan kekerapan peristiwa memberi malu atau aib mengikut jantina.

2.1.3.1 Sebab-sebab Bertindak

Jadual 1 : Sebab-sebab Bertindak (muka surat 65-66) merumuskan bahawa:

1. Peristiwa 'dimalukan' dan 'berasa terhina' merupakan dua peristiwa malu yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu lama. Orang yang

menerima malu selalunya akan merasa terhina kerana dirinya telah diaibkan. Apabila terhina, dia harus menghilangkan rasa hinanya itu dengan bertindak balas terhadap orang yang melemparkan aib tersebut. Terdapat 24 kali tindakan langsung, yang berlaku apabila seseorang itu merasa dirinya telah dimalukan. Manakala, tindakan yang berpunca daripada perasaan terhina adalah sebanyak 45 kali. Hal ini menunjukkan bahawa orang Melayu tidak dapat menerima jika dirinya dihina. Oleh itu, mereka sanggup bertindak dengan pelbagai cara terhadap orang yang mengaibkannya.

2. Orang Melayu sangat menjaga nama baik dan keturunannya. Perbuatan mempersenda dan mengaibkan nama baik atau keturunan orang lain dianggap sebagai keji dan tidak bermoral. Kajian menunjukkan, terdapat 26 kali tindakan langsung yang berlaku disebabkan orang Melayu tidak dapat menerima perbuatan orang lain yang memandang rendah terhadap taraf dan keturunannya.

3. Perasaan hasad dengki sesama anggota masyarakat boleh mencetuskan pergesehan, pergaduhan dan pembunuhan. Daripada perasaan dengki ini, ada juga yang sanggup melemparkan fitnah kepada orang lain demi mencapai hasrat peribadi. Terdapat 23 kali peristiwa yang menunjukkan orang Melayu bertindak kasar dan ganas apabila merasakan dirinya teraniaya. Tindakan agresif ini bertujuan untuk membalas perbuatan jahat tersebut sekaligus mempertahankan dirinya daripada terus dianiaya.

4. Orang Melayu memiliki perasaan kasih sayang yang menebal terutama terhadap pasangannya. Setiap hubungan akan dijaga dengan baik seperti

menjaga diri sendiri. Justeru, mereka akan merasa diri diaibkan jika orang yang mereka kasihi dilarikan atau dirampas oleh orang lain. Akibatnya, mereka akan bertindak balas seperti menampar, mengugut, melawan dan membunuh sehingga dapat merampas semula orang yang dilarikan itu. Terdapat 15 kali tindakan yang berpunca daripada kekasih, tunang, isteri, suami dan anak kandung dilarikan atau dirampas orang.

5. Seseorang itu boleh bertindak kasar dan ganas jika maruah keluarganya tercemar. Mereka sanggup membunuh semata-mata kerana mempertahankan nama baik keluarga. Bagi masyarakat Melayu tradisional, nama baik keluarga mestilah dijunjung dan diutamakan. Apabila maruah keluarga tercemar, setiap anggota keluarga akan bersama-sama menanggung aib dan malu. Justeru, mereka sanggup menyingkirkan mana-mana anggota keluarga yang telah menconteng arang ke muka. Terdapat 11 kali peristiwa tindakan langsung yang dikaitkan dengan perbuatan menjatuhkan maruah keluarga.

6. Masyarakat Melayu tradisional berpegang kuat kepada ikatan janji sehingga ke akhir hayatnya. Jika seseorang itu tidak dapat melaksanakan janjinya semasa hayat yang ada, janji itu akan dituntut pula menerusi anak cucunya. Perbuatan memungkiri janji dianggap sebagai satu penghinaan dan memberi aib. Oleh yang demikian, orang Melayu sanggup bertindak langsung terhadap orang yang telah memungkiri janji. Menurut mereka, orang yang mungkir pada janji adalah orang yang tidak setia dan tidak boleh dipercayai. Berdasarkan kajian, terdapat 10 kali peristiwa langsung yang berpunca daripada janji.

Jadual 1 : Sebab-sebab Bertindak

Nama Hikayat/ Cerita Lama	Apabila diri dimalukan	Apabila rasa terhina	Apabila janjinya dimungkiri	Apabila maruah keluarga tercemar	Apabila kekasih, tunang, keluarga dilarikan	Apabila taraf keturunan dipersenda	Apabila dengki/cemburu/fitnah
<i>Kisah Raja-Raja Pasai</i>		5	2			4	
<i>Sejarah Melayu</i>	4	8	3	3	6	5	9
<i>Tjandra Kirana</i>		2	1			5	1
<i>Juragan Budiman</i>	2	3					
<i>Damarwulan</i>	2			3		1	
<i>Hikayat Hang Tuah</i>	4	10				3	6
<i>Roro Mendut</i>	2	6					1
<i>Hikayat Marakarma</i>		2	1				1
<i>Hikayat Merong Mahawangsa</i>		2					
<i>Hikayat Terung Pipit</i>	2	1		1			
<i>H. Misa Taman Jayeng Kesuma</i>	2	2					
<i>Hikayat Malim Dewa</i>	1	1			1	2	1
<i>Hikayat Raja Donan</i>	1				1	1	

Nama Hikayat/ Cerita Lama	Apabila diri dimalukan	Apabila rasa terhina	Apabila janjinya dimungkiri	Apabila maruah keluarga tercemar	Apabila kekasih, tunang, keluarga dilarikan	Apabila taraf keturunan dipersenda	Apabila dengki/cemburu/fitnah
<i>Hikayat Malim Deman</i>			2		3		
<i>Hikayat Parang Puting</i>		1				2	1
<i>Hikayat Raja Muda</i>	1	1		2			
<i>Si Tenggang Anak Derhaka</i>	1	1					
<i>Tjindur Mata</i>				1	1	1	1
<i>Megat Terawis</i>					1	2	1
<i>Hikayat Sempurna Jaya</i>	1		1				
<i>Batu Belah Batu Bertangkup</i>				1			
<i>Hikayat Pendawa Lima</i>	1				1		
<i>Selindung Bulan Kedah Tua</i>					1		1
Jumlah (kali)	24	45	10	11	15	26	23

(Mohamed Mansor Abdullah, 1993: 274-275)

2.1.3.2 Jenis-jenis Tindakan

Jadual 2 : Jenis-jenis Tindakan Selepas Menerima Aib / Malu (muka surat 69 dan 70) merumuskan bahawa:

1. Terdapat lapan jenis tindakan langsung dan tidak langsung yang dilakukan oleh orang Melayu apabila mengalami peristiwa malu. Ini termasuklah membunuh, mengamuk, mengalah, menampar, membalas dendam, membunuh diri, menyerang atau melawan dan membalas dengan kata-kata kesat.
2. Orang Melayu sangat pantang jika diri mereka diaibkan. Mereka akan bertindak ganas dan kasar terhadap pihak yang telah mengaibkannya. Hasil kajian menunjukkan, tindakan langsung yang paling tinggi ialah kejadian menyerang atau melawan semula orang yang memberikan aib itu, iaitu sebanyak 40 kali.
3. Orang Melayu juga didapati mempunyai sifat mudah mengalah dan tidak bertindak walaupun dirinya telah dimalukan. Kajian menunjukkan terdapat 36 kali kejadian di mana orang Melayu lebih suka mengalah daripada mengambil tindakan langsung. Hal ini menunjukkan bahawa orang Melayu juga mempunyai tahap kesabaran yang tinggi dan tidak mudah naik angin.
4. Sifat berdendam dikatakan telah menjadi sebahagian daripada peribadi orang Melayu. Mereka tidak mudah melupakan sesuatu peristiwa, terutamanya peristiwa yang mengaibkan mereka. Dalam hubungan ini, orang yang telah dimalukan itu akan berusaha untuk membalas perbuatan tersebut

dan akan hanya berpuas hati jika dendamnya terbalas. Berdasarkan kajian, terdapat 35 kali peristiwa membalas dendam.

5. Masyarakat Melayu tradisional sangat berpegang kuat kepada ajaran agama. Oleh itu, membunuh diri adalah satu perbuatan yang tidak dapat diterima oleh orang Melayu kerana ia merupakan antara dosa yang paling besar. Walau bagaimanapun, perasaan aib yang tidak terbendung boleh menyebabkan seseorang itu bertindak di luar kawalan. Kajian mendapati, ada individu yang sanggup menghapuskan rasa malu dalam dirinya dengan membunuh diri. Walau bagaimanapun, tindakan membunuh diri merupakan kekerapan yang paling rendah, iaitu sebanyak 4 kali.

6. Orang yang telah hilang kesabarannya akan bertindak mengikut kata hati. Perasaan marah yang membuak-buak boleh menyebabkan mereka sanggup melakukan apa sahaja termasuklah membunuh. Bagi mereka, inilah hukuman dan pembalasan yang harus diterima oleh orang yang telah memalukan orang lain. Dalam kajian ini, terdapat 13 kali peristiwa membunuh.

7. Tindakan menampar merupakan antara reaksi biasa yang dilakukan oleh orang Melayu apabila mengalami peristiwa malu. Mereka merasa marah dan sakit hati terhadap orang yang telah mencetuskan peristiwa malu itu lalu mendorong mereka untuk bertindak langsung. Terdapat 10 kali peristiwa yang melibatkan tindakan menampar. Apabila seseorang itu mengalami peristiwa malu, dia juga boleh mengamuk dan melemparkan kata-kata kesat kepada

orang yang telah memalukannya. Dalam kajian ini, terdapat 9 kali peristiwa mengamuk dan 8 kali peristiwa melemparkan kata-kata kesat.

Jadual 2 : Jenis-jenis Tindakan Selepas Menerima Aib / Malu

Nama Hikayat / Cerita Lama	Membunuh	Mengamuk	Mengalah	Menampar	Balas dendam	Bunuh diri	Menyerang / melawan	Balas kata
<i>Kisah Raja-Raja Pasai</i>	3		2					1
<i>Sejarah Melayu</i>	3	3	6	2	7	1	3	
<i>Tjandra Kirana</i>	1		3			1	2	
<i>Juragan Budiman</i>	1		1		1			1
<i>Damarwulan</i>	1		1			1	3	
<i>Hikayat Hang Tuah</i>	2	5	5	3	7		6	
<i>Roro Mendut</i>	1		2		2		2	
<i>Hikayat Marakarma</i>	1		1		4			
<i>Hikayat Merong Mahawangsa</i>		1			2			
<i>Hikayat Terung Pipit</i>			1				2	1
<i>Hikayat Misa Taman Jayeng Kesuma</i>			1	2			2	
<i>Hikayat Malim Dewa</i>			3		1			1
<i>Hikayat Raja Donan</i>			1		1		2	
<i>Hikayat Malim Deman</i>			2		2		4	
<i>Hikayat Parang Puting</i>			1		2			
<i>Hikayat Raja Muda</i>			1		1			1
<i>Si Tenggang Anak Derhaka</i>				1	1			
<i>Tjindur Mata</i>			1		2		3	1
<i>Megat Terawis</i>			1		1		3	

Nama Hikayat / Cerita Lama	Membunuh	Mengamuk	Mengalah	Menampar	Balas dendam	Bunuh diri	Menyerang / melawan	Balas kata
<i>Hikayat Sempurna Jaya</i>				2			1	1
<i>Batu Belah Batu Bertangkup</i>						1	1	1
<i>Hikayat Pendawa Lima</i>					1		3	
<i>Selindung Bulan Kedah Tua</i>							1	
Jumlah (kali)	13	9	36	10	35	4	40	8

(Mohamed Mansor Abdullah, 1993: 276-277)

2.1.4 Memberi Malu/Aib Mengikut Jantina

Jadual 3 di muka surat 73 menunjukkan taburan dan kekerapan peristiwa memberi malu atau aib mengikut jantina. Dalam hubungan ini, Mohamed merumuskan bahawa:

1. Peristiwa memberi malu melibatkan empat golongan manusia iaitu:
 1. kaum lelaki memalukan kaum sejenisnya
 2. kaum lelaki memalukan kaum perempuan
 3. kaum perempuan memalukan kaum sejenisnya
 4. kaum perempuan memalukan kaum lelaki
2. Kaum lelaki merupakan golongan tertinggi yang suka memberi atau membuat malu. Terdapat 75 kali kejadian yang melibatkan orang lelaki memalukan lelaki, sama ada perbuatan itu dilakukan secara sengaja atau tidak sengaja. Mereka seolah-olah melakukannya sebagai usaha mencabar kelelakian pihak lawannya supaya boleh beradu tenaga dengannya. Hal ini berlaku mungkin disebabkan keadaan fizikal kaum lelaki yang dianggap kuat, maka mereka menguji kekuatan masing-masing.
3. Perbuatan memberi malu yang melibatkan lelaki dengan perempuan pula berjumlah 19 kali. Ia berlaku di antara anak dengan ibu, adik dengan kakak, sahabat dengan sahabat, musuh dengan musuh dan suami dengan isteri. Jumlah ini tidaklah begitu besar jika dibandingkan dengan perbuatan lelaki memalukan lelaki. Ini disebabkan kaum lelaki kurang berminat untuk mencabar kaum perempuan kerana beranggapan bahawa kaum perempuan merupakan golongan yang lemah.

4. Golongan yang paling kecil memberi malu berlaku antara kaum perempuan dengan kaum sejenisnya, iaitu hanya 8 kali kejadian. Ini menunjukkan, orang perempuan mempunyai sifat malu dan segan yang lebih jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Mereka juga tidak sampai hati untuk mengaibkan kaum sejenisnya kerana merasakan betapa aibnya apabila diri dimalukan. Realitinya, kaum perempuan memiliki sifat kasih sayang yang tinggi dan perlu menjaga tingkah laku. Walau bagaimanapun, mereka akan bertindak langsung jika berada dalam keadaan yang terdesak dan tercabar. Misalnya, apabila suami atau tunangan mereka dirampas oleh perempuan lain atau dimadukan. Bagi mereka, kehidupan bermadu merupakan satu perkara yang mengaibkan meskipun agama membenarkan hidup berpoligami. Oleh itu, mereka sanggup berlawan, menyerang dan bertindak kasar terhadap orang yang cuba merampas hak mereka.
5. Orang perempuan memiliki sifat lemah lembut dan mudah terusik. Kebiasaannya, mereka lebih suka mendiamkan diri dan mengalah apabila berhadapan dengan peristiwa yang memberi malu. Walau bagaimanapun, ada masanya mereka akan memberi penentangan atau bertindak langsung terhadap kaum lelaki. Kajian menunjukkan 10 kali kejadian di mana perempuan telah memalukan lelaki. Kejadian melibatkan isteri dengan suami, adik dengan abang, sahabat dengan sahabat, musuh dengan musuh dan mentua dengan menantu. Ini menunjukkan, perempuan juga mempunyai keberanian dan kekuatan yang tersendiri sehingga sanggup memalukan kaum lelaki.

Jadual 3 : Memberi Malu/Aib Mengikut Jantina

Jantina	Kekerapan (kali)
<i>Lelaki memalukan lelaki</i> (anak dengan ayah, adik dengan abang, sahabat dengan sahabat, musuh dengan musuh)	75
<i>Lelaki memalukan perempuan</i> (anak dengan ibu, adik dengan kakak, sahabat dengan sahabat, musuh dengan musuh, suami dengan isteri)	19
<i>Perempuan memalukan lelaki</i> (isteri dengan suami, adik dengan abang, sahabat dengan sahabat, musuh dengan musuh, mentua dengan menantu)	10
<i>Perempuan memalukan perempuan</i> (ibu dengan anak, kakak dengan adik, sahabat dengan sahabat, musuh dengan musuh, mentua dengan menantu)	8

(Mohamed Mansor Abdullah,1993: 279)

2.1.5 Ulasan

Kajian yang telah dilakukan oleh Mohamed Mansor Abdullah membuktikan bahawa konsep malu dan segan orang Melayu adalah satu konsep yang penting dan perlu diberikan perhatian. Di dalam konsep ini, terangkum sistem nilai, kepercayaan dan kekuatan orang Melayu dalam mempertahankan maruah bangsanya. Lebih menarik, Mohamed telah mengetengahkan empat subkonsep malu orang Melayu yang menjadi penanda aras penting dalam

pengkajian konsep malu. Selain itu, pendirian Mohamed yang menyatakan konsep malu dan segan tidak hanya tertumpu kepada perasaan atau emosi semata-mata mesti diberikan perhatian. Ini penting supaya konsep malu dan segan orang Melayu dapat diperhalusi dengan teliti sekali gus menyangkal pandangan negatif sarjana Barat yang melihat 'malu' sebagai satu sifat sahaja. Selain itu, Mohamed turut menyelaraskan konsep malu dan segan ini dengan menjadikan Islam sebagai landasan kajiannya. Dalam hubungan ini, hadis yang bermaksud, "*Sifat malu adalah sebahagian daripada iman*" dijadikan asas pegangan untuk mengangkat sifat malu sebagai sifat yang mulia dan terpuji. Justeru, adalah tepat sekali apabila Mohamed menyatakan orang Melayu khususnya masyarakat Melayu tradisional menganggap perbuatan mendatangkan aib adalah suatu perbuatan cemar, keji, hina dan kotor.

Kajian Mohamed tertumpu kepada peristiwa malu dalam cerita-cerita hikayat Melayu lama. Namun, dapatan kajiannya bukan sahaja berjaya menyerlahkan konsep malu orang Melayu pada era tersebut tetapi juga pada masa kini. Dalam kajiannya, Mohamed telah mengenal pasti dua bentuk reaksi orang Melayu terhadap peristiwa malu. Berdasarkan reaksi ini, Mohamed kemudiannya menyenaraikan sebab-sebab mengapa orang Melayu bertindak langsung dan jenis-jenis tindakannya. Dalam hal ini, Mohamed telah dapat menanggapi pemikiran orang Melayu terdahulu, iaitu tindak balas atau penentangan terhadap orang yang memberi malu adalah harus dengan alasan untuk menyucikan dirinya semula. Malah, ada dalam kalangan kelompok Melayu yang seolah-olah mewajibkan penentangan dan tindak balas terhadap orang yang telah memalukan mereka.

Dengan kata lain, sesiapa yang cuba memalukan orang lain, dia juga harus mendapat pembalasan malu yang setimpal dengan perbuatannya. Selain itu, peristiwa-peristiwa malu yang dipaparkan dalam kajian Mohamed juga menunjukkan orang Melayu dahulu sangat memelihara nama baik dan maruah diri, keluarga, kaum dan masyarakatnya. Dalam hal ini, undang-undang dan peraturan alam masyarakat Melayu tradisional menetapkan bahawa seseorang yang lebih rendah taraf, kedudukan dan usia tidak boleh memalukan orang yang lebih tinggi taraf, kedudukan dan usianya. Sebaliknya, jika yang memberi malu itu lebih berusia dan mempunyai kedudukan tinggi, maka pihak yang dimalukan itu haruslah menerimanya dengan hati yang terbuka. Ini secara tidak langsung memberi pengajaran dan pendidikan yang halus kepada masyarakat Melayu untuk membentuk sikap, tingkah laku dan cara berfikir yang positif.

Walau bagaimanapun, kajian Mohamed ini mempunyai sedikit kelemahan yang boleh dikesan pada akhir tulisan kajiannya. Penulis mendapati, Mohamed tidak menyimpulkan konsep malu dan segan ini dengan sifat malu yang ditegah oleh Islam. Adalah lebih baik jika Mohamed dapat menjelaskan sifat-sifat malu yang ditegah oleh Islam seperti malu mencari ilmu, membunuh diri kerana malu, membalas dendam kerana malu dan sebagainya. Sekurang-kurangnya, ia dapat memberi peringatan kepada pembaca khususnya orang Melayu supaya tidak mentafsir konsep malu mengikut fahaman sendiri. Secara keseluruhannya, kajian ini telah memperlihatkan kesungguhan Mohamed untuk mengangkat martabat orang Melayu supaya menjadi bangsa yang istimewa dan tersendiri melalui konsep malu dan segan.

2.2 Kajian oleh Mulyadi (2001)

Menurut Mulyadi (2001:28-35), emosi merupakan suatu keadaan, yaitu perasaan yang dialami oleh seseorang dalam situasi tertentu. Dalam hubungan ini, terdapat dua cara yang digunakan oleh seseorang itu untuk mengungkapkan emosinya. Pertamanya, secara nonverbal, yaitu melalui ekspresi wajah, gerakan tangan, mata, dan bahasa tubuh yang lain. Keduanya, secara verbal, yaitu melalui kata emosi. Dalam kajian ini, tumpuan utama diberikan kepada ungkapan verbal berbanding dengan ungkapan nonverbal. Seterusnya, Mulyadi telah mengelompokkan konsep emosi kepada dua bahagian, iaitu emosi yang berhubungan dengan “peristiwa yang baik” dan emosi yang berhubungan dengan “peristiwa yang buruk”. Emosi dalam kelompok yang pertama disebut sebagai emosi positif, iaitu meliputi emosi seperti gembira, senang, lega dan bangga. Manakala, emosi dalam kelompok yang kedua dikenali sebagai emosi negatif, iaitu mencakupi emosi seperti sedih, marah, malu, takut dan kecewa. Emosi positif dan emosi negatif ini merupakan kategori subordinasi daripada emosi dasar manusia.

Terdapat dua andaian yang bertentangan tentang leksikon emosi. Andaian pertama menjurus kepada konsep emosi dalam bahasa yang berbeza dan ianya dapat dipadankan. Andaian ini berasaskan keyakinan bahawa konsep emosi dasar adalah sama dalam semua bahasa di dunia. Oleh itu, konsep emosi seperti *gembira*, *sedih*, dan *takut* diterima secara universal sebagai kategori pengalaman yang berbeza. Andaian kedua pula merupakan konsep emosi dalam bahasa yang

berbeza dan tidak dapat dibandingkan. Ia mensyaratkan bahawa konsep emosi dibentuk oleh keunikan budaya masing-masing. Sebagai contohnya, emosi *malu* dalam bahasa Melayu diandaikan tidak sama ertinya dengan *shame* dalam bahasa Inggeris. Begitu juga, *whakamaa* dalam bahasa Maori, *ha'ama* dalam bahasa Tahiti, atau *haji* dalam bahasa Jepun.

Selanjutnya, terdapat empat komponen yang membatasi makna emosi (Dineen, 1990: 219-221). Pertama, muncul perasaan tertentu dalam diri orang yang mengalami, iaitu sebagai pusat emosi. Dalam bahasa Melayu, pusat emosi terletak pada hati. Kedua, penilaian terhadap emosi. Komponen ini mengimplikasikan adanya situasi dan tindakan yang menyebabkan munculnya perasaan tertentu dalam diri orang yang mengalami dan orang lain dalam situasi yang sama. Ketiga, pencetus emosi atau situasi yang menimbulkan emosi dalam diri orang yang mengalami. Terdapat banyak faktor penyebabnya, seperti disinggung harga dirinya, dipuji atau dimarahi di hadapan orang yang belum dikenal dan ditinggalkan kekasih. Keempat, reaksi terhadap emosi yang kemunculannya bergantung kepada pencetus emosi seperti tertawa, menangis, menyembunyikan diri, atau beberapa tindakan lain. Seterusnya, Mulyadi telah mengaplikasikan pertimbangan wacana kebudayaan yang telah diperkenalkan oleh Anna Wierzbicka (1996) sebagai sebuah perkembangan daripada teori Natural Semantic Metalanguage (NSM).

2.2.1 Makna Asali dan Sintaksis Makna Universal

Terdapat dua konsep teoretis yang penting dalam NSM, yaitu makna asali (*semantic primitive*) dan sintaksis makna universal (*universal syntax of meaning*). Makna asali bermaksud peringkat makna yang tidak pernah berubah kerana diwarisi oleh manusia sejak lahir (*innate*). Makna ini bersifat universal kerana dapat dipadankan dalam setiap bahasa. Makna tersebut tergolong ke dalam beberapa kategori seperti substantif (seseorang, sesuatu), predikat mental (memikirkan, ingin, merasakan, mengetahui), tindakan (melakukan), peristiwa (terjadi), perpindahan (bergerak), penilaian (baik, buruk), dan waktu (sebelum, setelah, sekarang). Sintaksis makna universal pula dibatasi sebagai peringkat makna yang terbentuk daripada gabungan makna asali. Gagasan ini muncul didasari kenyataan bahawa makna kata tidak dapat dibentuk oleh makna asali sahaja, tetapi haruslah berupa komponen yang berstruktur. Misalnya, “*orang ini melakukan sesuatu*”, “*ini buruk*” atau “*aku tidak ingin perkara ini terjadi*”. Dalam konteks leksikon emosi, kata seperti *gembira*, *sedih*, dan *marah* dapat dirumuskan dengan makna seperti “*sesuatu yang baik sedang terjadi*” (*gembira*), “*aku tidak ingin ini terjadi*” (*sedih*) dan “*aku tidak menginginkan ini*” (*marah*). Gabungan makna melalui mekanisme seperti ini akan menghasilkan sebuah wacana (*script*) atau senario (*scenario*) yang mencerminkan keunikan budaya sebuah kelompok masyarakat (Mulyadi, 2001:29).

Emosi positif dan emosi negatif dalam kerangka NSM dihuraikan daripada gabungan makna, iaitu merasakan dan memikirkan. Lazimnya, orang yang

merasakan emosi tertentu akan mempunyai fikiran tertentu mengenai situasi khusus. Dalam hal ini, malu merupakan sebahagian daripada komponen emosi negatif dan ia menjadi lebih kompleks dalam bahasa Melayu. Namun, budaya Melayu melihat keinginan untuk menghindari rasa malu sebagai satu kekuatan dalam perhubungan sosial. Ini selari dengan dua konsep sosial yang saling berkaitan, iaitu persoalan tentang maruah dan harga diri. Kedua-dua konsep ini menegaskan mengenai perilaku orang Melayu yang cukup menjaga maruah keluarga dan menghindari perbuatan menyinggung harga diri orang lain. Orang Melayu percaya, maruah dan harga diri ibarat nyawa yang tidak ternilai harganya. Jika maruah dan harga diri telah tergadai, hidup tidak lagi bermakna.

Ekspresi malu dikatakan muncul apabila seseorang itu diejek atau dimarahi di hadapan orang ramai. Selain itu, seseorang itu juga akan berasa malu apabila bahagian tubuhnya terlihat oleh orang lain, terutama yang jantinya berbeza. Walau bagaimanapun, kemunculan rasa malu ini tidak semestinya disebabkan oleh sesuatu yang menimpa diri orang yang mengalami, malah boleh juga dicetuskan oleh orang lain. Misalnya, apabila salah seorang anggota keluarganya hamil di luar nikah maka ia akan memberikan penilaian negatif terhadap dirinya. Penilaian negatif ini bukan sahaja terdapat dalam fikiran, tetapi juga berterusan dalam bentuk ujaran atau kata. Seterusnya, makna malu merupakan reaksi daripada rasa malu dan ia mempunyai hubungan dengan konsep penglihatan. Misalnya, kerana malu seseorang itu tidak mahu bertemu dengan temannya ataupun kerana malu adakah seseorang itu mahu bertemu

dengan temannya. Justeru, makna malu dapatlah dirumuskan apabila seseorang itu (X – aku/diri sendiri) memikirkan sesuatu seperti yang berikut:

- sesuatu yang buruk telah terjadi,
- orang mengetahui ini,
- orang memikirkan sesuatu yang buruk tentang aku (X) kerana ini,
- aku (X) tidak menginginkan ini,
- kerana ini, aku (X) merasakan sesuatu yang buruk terhadap orang lain (Y – orang lain).

Sememangnya, konsep emosi dalam leksikon sesebuah bahasa dapat memberikan petunjuk penting kepada pengungkapan norma budaya penuturnya. Realitinya, norma budaya dilaksanakan oleh peranti bahasa seperti butir leksikal, partikel, binaan gramatikal dan sebagainya. Oleh itu, konsep emosi dalam bahasa Melayu yang diperihalkan itu dapat dihubungkan dengan norma budaya masyarakatnya. Budaya Melayu yang berasaskan kepada ciri-ciri ketimuran, sangat mementingkan perilaku yang sopan. Cara berbicara ini merupakan salah satu norma perilaku komunikasi dan hal ini tidak bergantung pada keturunan, kekayaan atau pendidikan. Dalam kesantunan berbahasa, orang yang berbicara tidak sopan akan dikatakan kurang ajar atau tidak beradat. Manakala, orang yang berbicara sopan akan memperoleh pujian dan mendapat kebanggaan. Norma budayanya digambarkan dalam wacana berikut:

Jika seseorang mendengar orang lain mengatakan sesuatu, kadang-kadang mereka memikirkan seperti ini:

Orang ini tahu mengatakan sesuatu yang baik kepada orang lain: ini baik;

Atau

Orang ini tidak tahu mengatakan sesuatu dengan baik kepada orang lain: ini buruk.

Seterusnya, Mulyadi menyatakan bahawa orang Melayu selalu berfikir sebelum berbicara, terutamanya dalam komunikasi seharian. Hal ini dicerminkan dalam ungkapan, “*kalau hendak berbicara fikirkan dahulu*”. Sememangnya, hakikat ini dapat dilihat dengan jelas khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu feudal. Mereka dikatakan sentiasa berfikir panjang apabila menyatakan hasrat, nasihat, teguran, dan kritikan kerana bimbang akan menyinggung perasaan orang lain. Selain itu, ia bertujuan untuk menghindari lawan bicaranya dari merasakan sesuatu yang buruk seperti *marah*, *sedih*, atau *malu*. Norma tersebut dapat dirumuskan dalam wacana berikut:

Sebelum aku mengatakan sesuatu kepada seseorang, rasanya baik berfikir:

Aku tidak ingin orang ini memikirkan sesuatu yang buruk tentang aku,

Aku harus memikirkan apa yang ingin aku katakan.

Walau bagaimanapun, seseorang itu akan memohon maaf jika merasakan tindakan atau ucapannya telah memburukkan orang lain, sama ada disengajakan atau tidak disengajakan. Tindakan meminta maaf ini secara tidak langsung memperlihatkan ketinggian budi dan kesantunan seseorang. Norma budaya ini dirumuskan dalam wacana berikut:

Jika sesuatu yang buruk terjadi pada seseorang kerana aku, aku akan mengatakan sesuatu seperti ini kepada orang ini:

Aku merasakan sesuatu yang buruk kerana ini...

Kebiasaannya, percakapan dalam bahasa Melayu tidak memunculkan suara yang tidak perlu. Ini termasuklah tidak menggunakan intonasi yang keras dan menerbitkan bunyi-bunyi yang menggambarkan keluhan, perasaan tidak puas hati dan sebagainya. Jika memperdengarkan suara tersebut, ia dianggap sebagai tanda emosi negatif, seperti mecutuskan rasa marah. Selain itu, penutur bahasa Melayu juga sentiasa berhati-hati agar tidak terlalu banyak berbicara. Tujuannya adalah untuk mengawal emosi. Biarpun begitu, apabila emosi seseorang itu mencapai puncaknya, emosi itu tidak pula diungkap dengan kata-kata. Norma tersebut dirumuskan dalam wacana berikut:

Jika aku mengatakan sesuatu kepada seseorang, jika orang ini dekat dengan aku, tidak baik mengatakannya dengan suara yang keras,

Jika aku mengatakannya dengan suara yang keras, orang ini mungkin mengira aku merasakan sesuatu yang buruk,

Jika aku mengatakan sesuatu kepada seseorang, tidak baik mengatakan banyak hal dalam waktu yang singkat,

Jika aku melakukannya, orang ini mungkin memikirkan sesuatu yang buruk tentang aku.

2.2.2 Ulasan

Kajian Mulyadi telah memperlihatkan suatu perspektif baru dalam kajian emosi. Beliau cuba mengungkapkan keteraturan makna emosi dalam bahasa Melayu dan kesannya pada norma budaya dengan menggunakan teori NSM. Konsep emosi dikatakan dapat mencerminkan budaya pendukungnya kerana ia wujud dalam sistem bahasa dan sistem budaya yang lebih luas. Dalam leksikon bahasa Melayu, konsep emosi mempunyai makna yang sangat teratur tetapi dibatasi oleh sejumlah komponen semantik, seperti ‘perasaan’, ‘fikiran’, ‘perkataan’, ‘pengetahuan’, ‘penglihatan’, ‘tindakan’, dan ‘keinginan’. Dengan kata lain, budaya Melayu membatasi penutur dalam menzahirkan perasaannya. Ini disebabkan sifat dan peribadi bangsa Melayu itu sendiri yang lebih mementingkan perasaan orang lain berbanding perasaan sendiri. Selain itu, orang Melayu juga berpegang kepada nilai-nilai ketimuran yang penuh dengan kelembutan dan kehalusan dalam tutur kata mahu pun tingkah laku. Apabila membicarakan ekspresi malu, Mulyadi melihatnya sebagai satu komponen emosi yang bersifat negatif dan kompleks. Ia berasaskan peristiwa malu yang dialami dan kesannya menyebabkan orang lain memberikan penilaian negatif terhadap individu itu. Dalam hubungan ini, Mulyadi mengaitkannya dengan persoalan maruah dan harga diri. Satu kelemahan dalam kajian ini, Mulyadi tidak membincangkan emosi malu dalam konteks agama, nilai dan kepercayaan orang Melayu. Jika hal ini diteliti, pasti banyak aspek positif yang boleh dikesan melalui emosi malu. Secara keseluruhannya, kajian Mulyadi dapat menjelaskan dengan lebih mendalam mengenai emosi malu orang Melayu.

2.3 Kajian oleh Abd Rahman Abd Majeed (2004)

Abd Rahman Abd Majeed (2004) telah menghasilkan sebuah buku yang berjudul, *Malu Perhiasan Diri*. Buku ini menghuraikan fadhilat dan keutamaan sifat malu yang merupakan perhiasan kepada golongan Mukmin. Menurut HR. Al-Baihaqi (Abd Rahman Abd Majeed, 2004:i), Rasulullah S.A.W. pernah bersabda:

Manusia yang terbaik ialah Mukmin yang berilmu. Jika diperlukan dia berguna dan jika tidak diperlukan, dia dapat mengurus dirinya sendiri. Iman itu tidak berpakaian. Pakaianya ialah taqwa, perhiasannya ialah malu dan buahnya ialah ilmu.

Seperti yang dinyatakan sebelum ini (muka surat 23), malu atau *haya'* di dalam bahasa Arab berasal daripada perkataan *hayat* yang bermaksud 'kehidupan'. Ia mencakupi sifat malu, memelihara aib diri dan orang lain, kesopanan, harga diri dan bersikap jujur dalam menjaga dan memelihara maruah kerana Allah. Dalam konteks Islam, malu merupakan sebahagian daripada iman. Keimanan kepada Allah S.W.T. adalah paksi ke arah mewujudkan sifat malu. Dengan adanya keimanan, maka lahirlah individu unggul yang mempunyai rasa malu yang tinggi, berbudi luhur, berdisiplin dan amanah dalam menjalankan tanggungjawabnya. Malu juga sering dikaitkan dengan tingkah laku dan akhlak seseorang. Rasa malu ialah suatu sifat yang dialami dalam diri manusia dan sifat ini menjadikan individu itu tidak selesa ketika melakukan perbuatan buruk dan haram (2004:35-49).

2.3.1 Individu yang Tidak Ada Rasa Malu

Individu yang tidak mempunyai rasa malu akan mempunyai tingkah laku dan keperibadian seperti berikut:

1. Mulut Celopar

Sememangnya, cara berkomunikasi yang paling berkesan adalah melalui penggunaan bahasa lisan atau lidah (perantaraan mulut). Biarpun penggunaan bahasa isyarat menggunakan anggota badan seperti tangan, muka dan gerak badan juga membolehkan manusia berkomunikasi namun ia agak terbatas dan sukar difahami. Justeru, amatlah tepat jika lidah dianggap sebagai antara pancaindera terpenting. Walau bagaimanapun, banyak bencana dan keburukan boleh berlaku jika manusia tidak menggunakan lidah ke arah kebaikan. Dalam pepatah Melayu juga ada menyebut, *“kerana mulut badan binasa”* dan *“terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata badan binasa”*. Pepatah ini memberikan peringatan kepada umat manusia supaya berhati-hati apabila berbicara supaya tidak terkeluar perkataan yang tidak sopan atau buruk. Dalam konteks Islam, menjaga lidah atau mulut disamakan seperti menjaga agama. Kegagalan untuk mengawal lidah boleh menyebabkan kerosakan kepada agama seperti perpecahan, menjatuhkan maruah, umpat keji dan sebagainya. Tegasnya, menjaga lidah itu amat penting dalam menjamin kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Sesungguhnya, individu yang hidup dalam keadaan lidahnya hanya menyebut perkataan baik, maka dia seorang yang bijak dan darjatnya tinggi di sisi Allah. Oleh itu, setiap individu hendaklah mempunyai rasa malu yang tinggi.

2. Mengumpat, Mencela dan Berbohong

Mengucapkan perkataan yang tidak baik sehingga mendatangkan keburukan adalah petanda bagi mereka yang telah hilang rasa malunya walaupun ia berlaku secara tidak sengaja. Realitinya, masyarakat hari ini banyak mendedahkan diri mereka kepada perbuatan seperti mengumpat, mencela, berbohong, mencarut dan sebagainya. Walau bagaimanapun, individu yang mementingkan nilai baik dan mempunyai rasa malu yang tinggi, akan berhati-hati dalam percakapannya. Selain itu, mereka akan berusaha menjauhkan diri daripada bergaul dengan individu yang suka bercakap tentang perkara-perkara yang tidak baik.

3. Berbisik-bisik

Pada kebiasaannya, banyak perkataan yang bermaksud buruk diucapkan secara berbisik-bisik. Mereka yang berbisik-bisik itu sebenarnya tidak mahu perkara yang diperkatakan oleh mereka didengari oleh lebih ramai orang. Islam menegah perbuatan berbisik-bisik kerana ia boleh mendatangkan mudarat. Ini kerana, seseorang itu dikatakan tidak akan berbisik-bisik kerana kebaikan kecuali hanya untuk menyembunyikan perkara buruk.

4. Membuat Fitnah

Pepatah ada menyebut, *“lidah itu lebih tajam daripada pedang”*. Ini bermakna, jika kita tidak mengawal lidah dengan baik maka akan terkeluarlah perkataan-perkataan buruk yang akhirnya akan mengundang fitnah. Perkataan fitnah berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud kekacauan, bencana, dan penyesatan. Sesungguhnya, mengawal lidah daripada mengucapkan perkataan-perkataan buruk merupakan lambang keimanan. Tegasnya, menjaga

lidah itu amat penting bagi menjamin kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Seseorang yang mempunyai rasa malu yang tinggi, selalunya akan mengucapkan perkataan-perkataan yang baik sahaja. Sebaliknya, orang yang tidak mempunyai rasa malu, akan terlibat dengan gejala fitnah-menfitnah sehingga membawa perpecahan kepada umat Islam sejagat. Dosa menfitnah adalah lebih buruk kesannya daripada membunuh seperti mana firman Allah S.W.T. dalam surah Al-Baqarah (Abd Rahman Abd Majeed, 2004:42) yang bermaksud:

Dan (ingatlah), angkara fitnah itu lebih besar (dosanya) daripada pembunuhan (semasa perang dalam bulan yang dihormati).

5. Berbohong

Tabiat suka berbohong termasuk dalam kategori dosa-dosa besar, iaitu selepas syirik (menyekutukan Allah) dan menderhaka terhadap ibu bapa. Sikap suka berbohong bukan sahaja boleh menimbulkan kemarahan orang lain, malah menimbulkan kesan yang buruk kepada si pembohong itu sendiri. Manusia yang dapat mengawal lidahnya, tidak akan mengucapkan perkataan-perkataan yang boleh menimbulkan kemarahan kepada orang lain. Sebaliknya, tutur kata yang dilahirkan adalah baik dan benar serta diredhai Allah. Manakala, perkataan-perkataan yang mendatangkan kebencian Allah, akan dicatat atas kemurkaan-Nya sehingga hari kiamat. Justeru, setiap individu mestilah menyuburkan sifat malu dalam dirinya bagi menghilangkan tabiat suka berbohong. Ini kerana, sifat malu merupakan perisai kepada salah satu sifat orang-orang yang beriman. Dalam hal ini, ibu bapa perlulah mendidik anak-anaknya supaya tidak berbohong sebaliknya sentiasa bercakap benar dalam

kehidupan mereka. Amalan bercakap benar akan dapat membentuk nilai-nilai murni dan menghasilkan keperibadian yang baik.

6. Gurauan yang Melampau

Selain mengumpat, gurauan merupakan salah satu daripada bencana yang dilakukan oleh lidah manusia. Istilah gurauan ini termasuklah membuat kelakar, melawak, olok-olok dan berjenaka. Dalam hal ini, Abd Rahman Abd Majeed telah memetik kata-kata Imam al-Ghazali iaitu, “...*bergurau itu ditegah syarak kerana ia membawa kepada banyak tertawa. Banyak tertawa akan mematikan hati dan boleh menanggalkan hati*”. Hakikatnya, gurau senda boleh menghilangkan sifat malu seseorang itu. Ini kerana, manusia sanggup membuat cerita bohong dan tidak munasabah semata-mata untuk mencari bahan ketawa. Akibatnya, orang yang sering membuat kelakar itu hilang rasa malu sehingga ada yang tidak segan silu membawa cerita-cerita yang mengaibkan diri, keluarga dan masyarakatnya. Walau bagaimanapun, bukan semua gurauan itu boleh diterima oleh orang yang mendengarnya. Kadangkala, gurauan boleh menimbulkan persengketaan dan perkelahian terutamanya kepada mereka yang tidak tahan bergurau. Apatah lagi, jika gurauan tersebut melibatkan maruah dan harga diri seseorang itu. Oleh yang demikian, kita haruslah mengelak daripada bergurau dan bersenda yang melampaui batas perasaan atau pemikiran rasional. Ini penting, supaya hubungan silaturrahim sesama manusia terus terpelihara.

2.3.2 Ulasan

Tulisan Abd Rahman Abd Majeed mengenai sifat malu adalah selari dengan tuntutan Islam. Beliau menegaskan, malu merupakan sifat semula jadi bagi setiap insan yang beradab, dan akhlak serta watak bagi setiap Muslim. Manusia yang mempunyai rasa malu akan berjaya melaksanakan tanggungjawabnya dengan baik dan dapat memenuhi tuntutan rohani serta jasmani dengan terkawal. Dalam konteks kepentingan sejagat pula, Abd Rahman mengingatkan para pemimpin supaya memiliki sifat malu yang tinggi agar dapat memikul tanggungjawab dengan penuh amanah. Seterusnya, golongan pemimpin ini perlu memastikan hubungan kemasyarakatan dan kekeluargaan berada dalam satu ikatan yang jitu. Prinsip hubungannya mestilah berlandaskan kepada panduan-panduan yang telah digariskan oleh Islam. Melalui cara ini, setiap pemimpin akan mempunyai kesedaran yang tinggi dan percaya bahawa setiap perbuatan yang dilakukan di atas dunia akan mendapat pembalasan yang setimpal di akhirat kelak. Selain itu, Abd Rahman turut memberi perhatian terhadap sifat malu yang menimbulkan kesan buruk, iaitu apabila seseorang itu mempunyai rasa malu yang lebih terhadap manusia sehingga mengatasi rasa malu terhadap Allah. Manusia yang tidak mempunyai rasa malu akan membinasakan dirinya dengan melakukan maksiat dan kemungkaran. Justeru, setiap umat Islam hendaklah memelihara sifat malunya supaya berada di landasan yang benar. Secara keseluruhannya, buku yang ditulis oleh Abd Rahman Abd Majeed ini perlu dibaca oleh sesiapa sahaja yang ingin mendalami sifat malu dalam konteks Islam. Isi kandungannya menarik dan kupasannya pula menyeluruh.

2.4 Kajian oleh Shaharuddin Maaruf (2005)

Shaharuddin Maaruf telah menghasilkan satu kertas kerja yang bertajuk “Melayu Aib dan Melayu Ghaib: Satu Kritikan Terhadap Pendekatan-Pendekatan Mentakrif Melayu dan Kemelayuan”. Melalui kajiannya, Shaharuddin telah mentakrifkan Melayu dan Kemelayuan dengan menggunakan dua pendekatan. Pendekatan tersebut, ialah pendekatan Melayu aib dan pendekatan Melayu ghaib. Dalam konteks kajian, tumpuan hanya diberikan kepada pendekatan Melayu aib kerana ia mempunyai kaitan dengan konsep malu.

2.4.1 Pendekatan Melayu Aib

Pendekatan Melayu aib diistilahkan sebagai sifat-sifat cela yang terdapat dalam diri orang Melayu. Dalam konteks kajiannya, Shaharuddin menggambarkan konsep “Melayu”, ibarat satu bekas kosong yang boleh diisi dengan pelbagai benda buruk. Dalam erti kata lain, orang Melayu telah sehati dengan sifat-sifat negatif sehingga membentuk gaya pemikiran dan bahasanya yang tersendiri. Ini bermakna, apa sahaja sifat manusia yang cela dan negatif boleh dikaitkan dengan peribadi orang Melayu. Misalnya, orang Melayu telah sehati dengan sifat-sifat malas, suka membuang masa, tidak menepati janji, tidak berdisiplin, boros, mudah berpuas hati dan sebagainya. Begitu juga dengan ungkapan-ungkapan seperti, “janji Melayu” (tidak menepati janji) dan “time Melayu” (tidak menepati masa). Perwajahan yang diberikan ini, akhirnya telah membentuk ungkapan umum yang lebih mudah seperti, “orang Melayu...!” atau memadai dengan keluhan “Melayu...!”. Namun, matlamatnya tetap sama, iaitu

berniat untuk mencela, mencemuh, menghina, bersikap sinis, menyindir dan pelbagai anggapan negatif terhadap orang Melayu (Shaharuddin Maaruf, 2005:2).

Menurut Shaharuddin, pendekatan Melayu aib mempunyai pengaruh yang agak menyeluruh merangkumi golongan elit, golongan pertengahan sehinggalah kepada golongan massa. Bagi golongan elit, pendekatan Melayu aib secara tidak langsung dapat menggambarkan “budaya intelek” atau “budaya tinggi” yang didukung oleh mereka. Golongan ini percaya, kemampuan mereka menyelar imej Melayu aib dapat menonjolkan diri mereka sebagai golongan intelektual, elit dan berpengaruh. Selain itu, pendekatan Melayu aib ini juga berfungsi sebagai satu mekanisme pengasingan, pengelakan dan pemisahan. Dari aspek psikologi, orang yang mencela “orang Melayu malas” sebenarnya sedang menyatakan bahawa, “orang Melayu malas tetapi aku terkecuali dan tidak tergolong antara mereka”. Dalam hal ini, pendekatan Melayu aib sangat didukung oleh mereka yang mempunyai masalah rendah diri terhadap jati dirinya sebagai orang Melayu. Justeru, golongan ini terpengaruh dengan persepsi negatif yang dilemparkan terhadap orang Melayu sehingga berusaha untuk memisahkan diri mereka daripada jati diri Melayunya. Pendekatan Melayu aib dapat dikesan dalam pelbagai bentuk dan media, seperti penerbitan buku, majalah, karya sastera, ucapan politik, majlis keagamaan, forum, persidangan dan sebagainya.

Sifat-sifat yang digariskan dalam pendekatan Melayu aib ini ditentukan oleh asal-usul dan perkembangan sejarahnya. Menurut Shaharuddin, sifat-sifat tersebut telah bermula sejak dari zaman feudal lagi. Pemerintah pada masa itu

sangat memandang rendah terhadap kemampuan rakyat Melayu khususnya golongan bawahan. Hal ini berlanjutan apabila British menjajah Tanah Melayu. Pemerintah asing ini berusaha mengetengahkan ideologi mereka di bumi Melayu dan menidakkan campur tangan rakyat tempatan khususnya orang Melayu. Justeru, mereka mencela kaum peribumi menerusi ideologi-ideologi palsu, dalam usaha menghalalkan penjajahan mereka ke atas Tanah Melayu. Mereka mendakwa penduduk peribumi malas dan kurang berusaha serta tidak mempunyai kepakaran seperti yang dikehendaki. Dakwaan ini sememangnya tidak berasas kerana orang Melayu sebenarnya bijaksana dan kreatif. Misalnya, mereka telah berjaya mencipta bubu ikan yang dapat menjimatkan tenaga. Malangnya, pihak penjajah yang sentiasa berprasangka ini telah menidakkan kejayaan luar biasa orang Melayu. Mereka mengaitkan bubu ikan itu dengan “sikap pemalas” orang Melayu. Dalam erti kata lain, sifat pemalas orang Melayu telah mendorong mereka mencipta bubu ikan itu bagi membolehkan mereka terus malas. Sebaliknya, komen yang berbeza diberikan kepada orang-orang Inggeris yang telah mencipta injin wap dan pelbagai mesin lain. Mereka dikatakan lebih bijak berbanding orang Melayu sedangkan bubu ikan yang dicipta itu juga mempunyai nilai dan manfaat yang sama dengan ciptaan orang Inggeris.

Seterusnya, pendekatan Melayu aib dikatakan mula meresapi pemikiran golongan elit Melayu pada awal abad ke-20. Contohnya, Za’ba pernah mengemukakan pandangannya mengenai sifat-sifat Melayu, iaitu terdiri dari sikap yang ingin hidup senang tanpa sebarang usaha. Sikap ini digambarkan menerusi satu bidalan iaitu, “*Di manakah kutu hendak makan jika tidak di atas kepala?*”.

Bidalan ini merupakan satu sindiran terhadap orang Melayu mengenai sikap mereka, ibaratnya jika boleh mereka mahu makanan itu disuapkan ke dalam mulut mereka oleh orang lain. Maknanya, orang Melayu malas untuk berusaha tetapi hanya mengharapkan bantuan orang lain untuk memperbaiki hidup mereka. Pendekatan Melayu aib ini kemudiannya turut meresapi pemikiran golongan elit pasca merdeka seperti Tunku Abdul Rahman dan Tun Mahathir Mohamad. Misalnya, Tunku Abdul Rahman telah mentakrif sifat-sifat kemelayuan sebagai, *“Tiada siapa terpaksa kebuluran di negara ini, kerana seseorang itu boleh sahaja memanjangkan tangan dan mendapatkan makanannya sendiri. Terdapat ikan dalam setiap sungai, makanan yang bertimbun pada tanah. Sampaikan hutan pun menghasilkan binatang-binatang dan sayur-sayuran yang boleh dimakan. Apa yang perlu dilakukan oleh seseorang itu ialah menggunakan sedikit tenaga, sedikit pemerahan otak dan seseorang itu akan mendapat apa yang diperlukan. Itulah sebabnya kaum saya dikatakan pemalas, kerana mereka tidak perlu bekerja, apatah lagi bergelut untuk terus hidup”*. Pandangan ini jelas menunjukkan satu variasi pemikiran penjajah yang berjaya meresapi pemikiran golongan elit Melayu (Shaharuddin Maaruf, 2005:6-8).

Seterusnya, Shaharuddin mengaitkan sifat “Melayu” dan “Kemelayuan” ini dengan pandangan penulis buku *The Malay Dilemma*, iaitu Mahathir Mohamad (1981:173). Menurut Mahathir, sifat kemelayuan orang Melayu adalah disebabkan baka yang lemah dan kurang bermutu. Selain itu, sistem nilai dan kod etika yang diamalkan oleh orang Melayu juga dikatakan penghalang kepada kemajuan mereka. Oleh itu, orang Melayu mesti menyedari kelemahan-

kelemahan yang ada termasuklah menghapuskan sifat-sifat “Kemelayuan” yang membuatkan mereka lesu. Penyelesaian kepada masalah ini kelihatan cukup mudah. Unsur-unsur “Kemelayuan” itu sendiri perlu dihapuskan jika orang Melayu ingin mencapai kemajuan. Pandangan ini sealiran dengan konsep pendekatan Melayu aib yang memberikan nilai negatif terhadap orang Melayu. Hakikatnya, pandangan dan pemikiran yang sebegini memberikan impak yang besar ke atas orang Melayu. Ia bukan sahaja boleh menghapuskan jati diri orang Melayu malah mampu menghancurkan tamadun Melayu. Pendekatan Melayu aib semakin memuncak apabila ia muncul dalam bentuk baru iaitu dengan memperkenalkan slogan, “Melayu baru”. Mengikut konsep baru ini, orang Melayu masa kini perlu mengubah paradigma lama dengan mengetengahkan generasi Melayu baru. Perubahan ini merangkumi aspek pemikiran, kepercayaan, keperibadian, tingkah laku dan sebagainya. Misalnya, membentuk “Melayu baru” yang bersifat luhur, berfikiran terbuka, rajin berusaha, berdikari, tidak kolot, berkeyakinan, bijak menguruskan ekonomi dan pelbagai lagi. Ini bermakna, konsep “Melayu baru” yang dicetuskan ini merupakan satu kategori umum, bebas dan mempunyai tafsiran luas. Pada dasarnya, konsep ini diperkenalkan dengan tujuan untuk memartabatkan sifat kemelayuan dengan unsur-unsur mulia dan mampu berdaya saing dengan bangsa lain. Malangnya, niat yang baik ini telah disalah ertikan sehingga memberi kesan kepada slogan “Melayu baru”. Terdapat andaian bahawa, “Melayu baru” merupakan satu penjelmaan daripada “Melayu lama” yang penuh dengan keburukan.

2.4.2 Ulasan

Pada pandangan saya, kertas kerja yang telah dihasilkan oleh Shaharuddin Maaruf ini memperlihatkan unsur-unsur negatif dalam diri orang Melayu. Ini dapat diperhatikan apabila Shaharuddin melalui pendekatan Melayu aibnya, telah mengaitkan takrif “Melayu” dan “Kemelayuan” dengan stereotaip dan sifat-sifat negatif. Secara tidak langsung, takrifan ini sebenarnya telah mengaibkan orang Melayu secara halus. Tidak dinafikan, Shaharuddin berhak menentukan arah kajiannya namun banyak lagi nilai positif mengenai orang Melayu yang boleh dikaji berbanding nilai negatif. Justeru, Shaharuddin mestilah berhati-hati dalam kritiknya dan tidak membuat kesimpulan mengenai sikap dan jati diri orang Melayu dengan hanya melihat kepada beberapa contoh peristiwa sahaja. Apatah lagi jika kajian itu melibatkan maruah dan harga diri bangsa Melayu secara keseluruhannya. Orang Melayu pula tidak boleh berdiam diri dan menerima apa sahaja tafsiran mengenai diri mereka. Sebaliknya, mereka perlu mengubah tafsiran stereotaip mengenai “Melayu” dan “Kemelayuan” itu dengan mengetengahkan sifat dan jati diri sebenar orang Melayu yang sememangnya unggul. Pendekatan Melayu aib haruslah dianggap sebagai satu kritikan yang membina dan cabaran besar untuk membuktikan kehebatan bangsa Melayu dalam semua bidang kehidupan. Kesimpulannya, setiap pengkaji mempunyai pandangan dan hasrat yang berbeza. Namun, pandangan dan hasrat tersebut hendaklah dilakukan dengan penuh kesedaran, iaitu untuk mengangkat martabat bangsa. Pihak luar pula perlu menilai dan membuat justifikasi sendiri untuk mencari sejauh manakah kebenarannya.

2.5 Kajian Kesantunan bahasa

Apabila membicarakan konsep malu maka secara tidak langsung ia juga berkait dengan kesantunan bahasa. Ini kerana emosi malu itu merupakan sebahagian daripada elemen santun. Kesantunan boleh dipancarkan melalui tingkah laku dan gaya bahasa yang sopan. Tingkah laku yang biadap akan menyebabkan seseorang itu dianggap 'kurang ajar'. Manakala, cara berbahasa yang tidak sopan dikatakan sebagai 'tidak tahu bahasa'. Secara umumnya, kesantunan bahasa merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya. Pada masa yang sama, kesantunan bahasa menjadi salah satu ciri penting bangsa yang bertamadun (Awang Sariyan, 2007:1). Kesantunan dan kesopanan adalah lambang dan sifat orang yang berbudi. Orang yang bahasanya santun, jelas dan beradab menggambarkan ketinggian hati budinya (Sidek Baba, 2009:136). Selanjutnya, budi menjadi teras pembentukan ilmu, pemikiran dan kelakuan orang Melayu. Menurut Azizah Ahmad (2005:18), budi bahasa dan kesopanan semasa berbahasa akan menjadi titik penentu kepada lambang, citra diri dan sahsiah diri yang sebenarnya. Dalam bahasa Melayu, terdapat beberapa bentuk atau penanda santun khususnya dalam bentuk ujaran pertanyaan dan bentuk sapaan dalam ganti nama. Semakin banyak penanda santun digunakan dalam sesuatu ujaran maka akan bertambahlah tingkat kesantunan si penutur. Walau bagaimanapun, perbezaan budaya di antara dua bangsa dan bahasa boleh mewujudkan masalah, lebih-lebih lagi jika kedua-dua penutur tidak biasa dengan bahasa masing-masing (Mohammad Fadzeli Jaafar, 1997:292).

2.5.1 Kajian oleh Robert Sibarani (2004)

Fenomena kesantunan bahasa (*language politeness*) telah menjadi isu penting terutamanya di negara-negara yang sedang membangun. Hal ini berlaku disebabkan oleh pandangan masyarakat itu sendiri. Mereka beranggapan, kesantunan bahasa sebagai satu ciri khas masyarakat Melayu tidak lagi mendapat perhatian terutamanya di kalangan ahli politik mahupun ahli akademik. Selain itu, kesantunan bahasa juga dianggap sebagai warisan budaya feodal yang menyekat kebebasan berfikir dan merendahkan diri sehingga tidak berani menyatakan sesuatu yang benar. Ia berasaskan kepada rasa takut dan bimbang jika apa yang diperkatakan itu akan menyinggung perasaan orang yang mendengarnya. Pada masa yang sama, kesantunan bahasa sering disalahtafsirkan sehingga menjadi terlalu eufemisme. Malah, ada di antara para pemimpin yang menggunakannya untuk membohongi rakyat. Dalam hubungan ini, Robert Sibarani telah menghasilkan satu kajian yang bertajuk, “Fenomena Kesantunan Bahasa Dalam Bahasa Indonesia/Melayu” (2004:215-226). Kajian ini berkisar mengenai masalah kesantunan bahasa dalam bahasa Indonesia/Melayu merangkumi fenomena sosial budaya kesantunan bahasa dan aspek-aspek bukan linguistik yang mendukung kesantunan bahasa.

Menurut Robert, kesantunan bahasa amat diperlukan dalam menjayakan sesuatu komunikasi. Secara umumnya, baik atau buruk peribadi seseorang itu dinilai melalui bahasanya yang santun, tutur katanya atau budi bahasanya. Sememangnya, bahasa yang santun akan membolehkan sesuatu mesej itu disampaikan dengan mudah dan lancar. Manakala, bahasa yang kurang santun

bukan sahaja akan menyinggung perasaan orang lain tetapi boleh juga mencetuskan konflik. Sejarah telah membuktikan bahawa masyarakat Indonesia/Melayu sering dianggap sebagai orang yang bersopan santun dan memiliki budi bahasa yang baik. Pada asasnya, kesantunan bahasa terbahagi kepada tiga aspek utama, iaitu kesantunan perbuatan (bertindak), kesantunan berpakaian (berdandan) dan kesantunan bahasa (berbahasa). Setiap kesantunan memerlukan pelbagai tatacara yang seharusnya dipatuhi oleh anggota masyarakat. Dalam kesantunan perbuatan (bertindak), perbuatan seperti bercekek pinggang, mengedikkan badan, mencungkil gigi tanpa menutup mulut dan berwajah murung ketika menerima tetamu dianggap sebagai tidak santun. Sementara itu, kesantunan berpakaian (berdandan) menekankan aspek berpakaian dengan sopan terutamanya ditempat-tempat umum dan berpakaian dengan rapi mengikut keadaan. Seterusnya, kesantunan bahasa dizahirkan dalam tatacara berkomunikasi di mana tatacara berbahasa harus sesuai dengan norma-norma budaya masyarakat pendukungnya. Apabila tatacara seseorang itu tidak sesuai dengan norma-norma budaya, maka individu tersebut dianggap sebagai aneh, egois, sombong, tidak beradab dan tidak berbudaya.

Dalam membentuk kesantunan bahasa, terdapat empat elemen utama yang perlu dipatuhi seperti yang berikut:

1. Prinsip Kesopanan (Politeness Principle)

Prinsip ini telah diperkenalkan oleh Leech (1993). Ia mementingkan faktor budaya masyarakat dan psikologi pengguna dalam menyampaikan maksud dengan berkesan. Secara asasnya, konsep asas Prinsip Kesopanan

menekankan agar seseorang itu mengurangkan ungkapan yang tidak beradab dan memperbanyakkan pendapat yang beradab. Dalam Prinsip Kesopanan, terdapat enam maksim kesopanan yang harus diterapkan dalam komunikasi. Pertama, maksim santun di mana penutur berusaha untuk mengujarkan pendapat yang bersifat minimum kosnya bagi mengelakkan berlakunya konflik. Kedua, maksim kedermawanan iaitu penutur mengutamakan keuntungan untuk orang lain dan meminimumkan keuntungan kepada diri sendiri. Ketiga, maksim sokongan iaitu penutur menggunakan kata-kata yang berunsurkan pujian dan perkataan yang digemari oleh pendengar. Keempat, maksim kerendahan hati di mana ia lebih memusatkan kepada diri sendiri dalam usaha melahirkan ujaran yang bersopan. Kelima, maksim persetujuan iaitu mengambil nilai tara pernyataan setuju antara diri sendiri dengan orang lain. Keenam, maksim simpati iaitu penutur meminimumkan pendapat yang mengakibatkan rasa benci dan memaksimumkan rasa belas kasihan dan simpati antara diri sendiri dengan orang lain. Keterangan lanjut mengenai keenam-enam maksim ini, sila rujuk bahagian 2.5.4.1 (muka surat 120-127).

2. Menghindarkan kata-kata yang bersifat tabu (*taboo*)

Pada umumnya, tabu menandakan sesuatu yang dilarang atau sesuatu yang tidak dibenarkan. Dalam budaya Melayu, tabu merujuk kepada sesuatu ungkapan yang kurang manis, membawa unsur negatif, lucu dan tidak sopan. Misalnya, kata 'tetek' kini jarang-jarang digunakan sebaliknya, ungkapan 'buah dada' telah menggantikan kata 'tetek' untuk merujuk kepada anggota badan wanita. Penggantian ungkapan ini didapati lebih halus dan tidak

membawa konotasi yang kurang manis. Hal ini turut dipersetujui oleh S. Nathesan (2001:62) yang menyatakan, penggunaan bahasa eufemisme adalah kaedah terbaik bagi mengelakkan daripada menyebut perkataan tabu yang bersifat kasar, kesat dan lucu di dalam bahasa Melayu.

3. Menggunakan kata gantian

Kewujudan tabu dalam bahasa telah menyebabkan pengguna bahasa mencari kata gantian bagi kata yang menjadi tabu itu. Kata gantian ini dikenali sebagai eufemisme, iaitu kata-kata yang mementingkan kehalusan berbahasa. Walau bagaimanapun, sesuatu bahasa itu akan menjadi tidak santun jika penutur menggunakan kata eufemisme yang berlebihan. Misalnya, kata orang 'miskin' telah diganti menjadi orang 'prasejahtera'. Hal ini menunjukkan berlaku pembohongan dan pembohongan itu sendiri merupakan sebahagian daripada ketidaksantunan bahasa.

4. Menggunakan pilihan kata yang honorifik

Kesantunan juga dapat dicapai dengan menggunakan pilihan kata yang honorifik, iaitu ungkapan hormat untuk berbicara dan menyapa orang lain. Misalnya, menggunakan kata sapaan yang halus dan mengikut tata tingkatnya yang tersendiri. Kebiasaannya, kata sapaan ini digunakan kepada orang yang berkedudukan dan dihormati. Percakapan yang tidak menggunakan kata sapaan juga boleh mengakibatkan seseorang itu dianggap tidak sopan.

Selain itu, penggunaan unsur paralinguistik, kinetik dan proksimat juga perlu diperhatikan untuk mencapai kesantunan berbahasa. Paralinguistik meliputi

ciri-ciri bunyi seperti suara berbisik, suara meninggi, suara rendah, suara perlahan, suara sederhana, suara kuat atau perubahan intonasi yang diikuti oleh tanda verbal (isyarat lisan) dalam berbahasa. Misalnya, seorang pekerja yang bersuara kuat diikuti oleh tanda verbal dengan orang atasannya mungkin dianggap sebagai kurang sopan. Tetapi, keadaan ini boleh difahami jika orang yang berkomunikasi itu berasal daripada etnik Batak atau ia merupakan satu kebiasaan bagi orang itu bercakap dengan kuat. Unsur kinetik juga dikenali sebagai gerak isyarat (*gesture*). Ia meliputi gerak tangan, anggukan kepala, gelengan kepala, kerdipan mata dan ekspresi wajah seperti murung atau senyum. Misalnya, ekspresi wajah yang tersenyum ketika menyambut tetamu akan menciptakan kesantunan, tetapi sebaliknya ekspresi wajah yang murung ketika berbicara dengan tetamunya akan dianggap sebagai tidak sopan. Proksimat pula merujuk kepada sikap dan penjagaan jarak antara pemberi/pemancar tanda atau antara satu komunikator dengan komunikator lainnya ketika dan sebelum komunikasi sedang berlangsung. Penjagaan jarak yang sesuai antara peserta komunikasi juga akan memperlihatkan keserasian, keharmonian dan tatacara berbahasa.

2.5.1.1 Ulasan

Kajian oleh Robert Sibarani menetapkan empat cara pembentukan kesantunan berbahasa, iaitu menerapkan prinsip kesopanan, menghindari kata-kata yang berbentuk tabu, menggunakan bahasa eufemisme yang tepat dan menggunakan pilihan kata yang honorifik. Selain itu, Robert turut menjelaskan mengenai faktor-faktor bukan linguistik seperti unsur paralinguistik, kinetik dan

proksimat. Ketiga-tiga unsur ini dikatakan dapat mencipta kesantunan berbahasa dalam komunikasi. Pada dasarnya, kesantunan berbahasa bertujuan untuk melancar dan mengharmonikan komunikasi di antara kedua-dua pihak. Dalam hal ini, sesuatu mesej yang disampaikan itu bukan sekadar untuk difahami oleh peserta komunikasi tetapi juga disenangi sehingga membawa kepada keinginan untuk terus berkomunikasi. Secara tidak langsung, hubungan sosial ini akan menjadi semakin erat dan mantap.

Walau bagaimanapun, Robert berpendapat ada ketikanya kesantunan berbahasa telah disalahgunakan oleh golongan tertentu sehingga menghambat kebebasan berfikir dan menyatakan hak. Jika diteliti, pandangan Robert ini ada kebenarannya. Berdasarkan pemerhatian penulis, ada peristiwa yang menunjukkan orang Melayu takut untuk mengkritik secara langsung kerana bimbang akan mendapat kecaman daripada pihak lain. Berikutan itu, kritikan disampaikan secara halus atau berkias sehingga pihak yang dikritik tidak menyedari kesilapannya. Hal ini sangatlah merugikan kerana kritikan yang telus dan berhemah, dapat meningkatkan kejayaan seseorang itu. Secara keseluruhannya, kajian Robert cuba mengetengahkan aspek kesantunan bahasa sebagai satu ciri khas dalam masyarakat. Biarpun kajiannya tertumpu kepada masyarakat Indonesia namun sumber bahasanya adalah bahasa Melayu. Justeru, orang Melayu seharusnya berbangga dan harus mempertahankan kesantunan bahasa sebagai sebahagian daripada nilai peradaban bangsa Melayu.

2.5.2 Kajian oleh Teo Kok Seong (2003)

Kesantunan berbahasa dalam sesebuah masyarakat itu tidak selalunya sama dengan kesantunan berbahasa yang wujud atau diamalkan dalam sesebuah masyarakat lain. Menurut Teo Kok Seong (2003:14-23), kesantunan berbahasa banyak bergantung pada pemboleh ubah sosial dan sosiobudaya. Antaranya termasuklah budaya yang terlibat, usia/generasi dan jantina, kelas sosial dan pekerjaan, serta peranan dan status pihak yang mendengar atau diajak bercakap. Selain itu, ia juga bergantung pada faktor konteks yang bersifat umum dan khusus. Kewujudannya boleh berlaku dalam kebanyakan budaya atau hanya diamalkan oleh sesetengah budaya. Secara umumnya, kesantunan berbahasa atau kesopanan berbahasa merujuk kepada bentuk bahasa seperti (kata, frasa/rangkai kata, atau ayat) dan/atau penggunaan bahasa seperti (cakap secara berkias/berlapik atau cakap secara tidak berterus terang). Penggunaan bahasa ini bermaksud untuk berlaku sopan kepada orang yang mendengar, menghormati dan memperlihatkan kesopanan terhadap orang yang bercakap agar dia dianggap sebagai berbudi bahasa. Kesantunan berbahasa dalam bahasa Melayu merangkumi beberapa dimensi, baik yang bersifat verbal mahupun yang bukan verbal. Sehubungan itu, kesantunan berbahasa boleh dimanifestasikan melalui beberapa bentuk dan penggunaan bahasa. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Menggunakan kata ganti nama mengikut konteks
2. Tidak menggunakan bahasa larangan / tabu
3. Mematuhi rumus percakapan / interaksi
4. Memahami perlakuan bahasa bukan verbal

2.5.2.1 Menggunakan Kata Ganti Nama Mengikut Konteks

Kata ganti nama seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 : Sistem Kata Ganti Nama Bahasa Melayu (muka surat 106), merupakan salah satu aspek penting dalam kesantunan berbahasa bahasa Melayu. Ia digunakan oleh seseorang itu untuk “memanggil” orang yang mendengar atau diajak bercakap. Realitinya, penggunaan kata ganti nama menjadi masalah besar terutamanya kepada penutur-penutur bahasa Melayu daripada golongan bukan Melayu. Hal ini disebabkan mereka tidak mempunyai kemahiran memilih bentuk kata yang sesuai mengikut konteks. Bagi masyarakat Melayu, kata ganti nama “aku”, “awak”, “kamu”, dan “engkau” adalah berbentuk kasar. Ianya melibatkan percakapan di antara orang yang lebih tua, berstatus dan berkuasa dengan orang yang lebih muda, kurang berstatus dan kurang berkuasa. Walau bagaimanapun, keempat-empat kata ganti nama berkenaan boleh digunakan secara sopan semasa bercakap dengan orang yang sudah pun akrab antara satu sama lain. Selain itu, ia boleh digunakan oleh mereka yang lebih tua atau lebih berkuasa kepada mereka yang lebih muda dan kurang berstatus. Dalam konteks keagamaan, masyarakat Melayu menggunakan kata ganti nama “aku”, “kamu”, dan “engkau” ketika membaca doa.

Masyarakat Melayu menyedari bahawa kesemua kata ganti nama orang kedua (awak, kamu, engkau) telah mencetuskan “kekasaran” dalam komunikasi. Sehubungan itu, bentuk “anda” telah diperkenalkan pada tahun 1960-an. Penggunaannya dianggap lebih halus untuk menggantikan kesemua kata ganti nama berkenaan dalam wacana sopan. Walau bagaimanapun, penggunaan kata ganti nama “anda” kurang popular dalam kalangan penutur Melayu kerana ia

dikatakan masih bersifat “kasar”. Justeru, penggunaannya adalah terbatas dalam bidang-bidang tertentu seperti pengiklanan, pengacaraan dan penulisan surat pekeliling. Secara umumnya, syarat penting penggunaan kata ganti nama kedua ialah mengambil kira jarak sosial, iaitu sifat hubungan antara pihak yang terlibat dalam sesuatu interaksi itu. Jika wujud jarak sosial antara pihak yang bercakap dengan pihak yang diajak bercakap itu, maka bentuk panggilan yang sesuai hendaklah digunakan untuk menggantikan kata ganti nama orang kedua. Bentuk panggilan itu termasuklah panggilan kekeluargaan, panggilan profesional, gelaran profesional atau kerjaya, panggilan anugerah dan nama peribadi.

Masalah penggunaan kata ganti nama orang kedua juga boleh diatasi dengan menggugurkannya atau tidak menyebutnya langsung. Misalnya, perbandingan ungkapan, “Awak dari mana?” dengan ungkapan “Dari mana?”. Hakikatnya, ungkapan “Dari mana?” didapati lebih sopan. Apatah lagi, jika ianya dilafazkan dengan intonasi yang lembut sambil disertai dengan sedikit gerak-geri tunjuk ke arah pihak yang mendengar itu, terutamanya ibu jari kanan. Selain itu, strategi kesantunan berbahasa juga boleh dilakukan dengan menggunakan kata ganti nama orang pertama “saya” sebagai tindak balas untuk memperlihatkan penyertaan seseorang itu dalam sesebuah percakapan. Sebaliknya, bentuk-bentuk seperti “mm”, “hm”, dan seumpamannya untuk menyatakan maksud penyertaan dianggap kurang sopan. Begitu juga dengan penggunaan perkataan “ya”, dianggap tidak sopan berbanding penggunaan kata ganti nama orang pertama “saya”.

Jadual 4 : Sistem Kata Ganti Nama Bahasa Melayu (Ragam Baku)

Orang	Tunggal	Jamak
Pertama	saya aku	kita / kami
Kedua	awak kamu engkau	awak (semua) kamu (semua) engkau (semua)
Ketiga	dia / ia	Mereka

(Teo Kok Seong, 1993:15)

2.5.2.2 Tidak Menggunakan Bahasa Larangan / Tabu

Dalam kebanyakan masyarakat, terdapat beberapa topik yang tidak boleh dibicarakan dengan sewenang-wenangnya terutamanya dikhalayak. Dalam erti kata lain, ia menjadi pantang larang atau tabu untuk diperkatakan secara terbuka. Topik-topik ini antaranya merangkumi bidang seks, fungsi badan tertentu, anggota badan tertentu, urusan hamil dan bersalin, serta najis. Perkataan dan ungkapan yang ada hubungan dengan topik ini tidak boleh ditulis dan diucapkan dengan sesuka hati, terutamanya dalam wacana sopan. Hal ini turut melibatkan mereka yang bertutur dalam bahasa Melayu, baik dalam kalangan orang Melayu sendiri mahupun dalam kalangan bukan Melayu. Ini bermakna, mereka hendaklah mematuhi “peraturan” yang sudah pun ditetapkan mengenai perbicaraan topik-

topik yang menjadi tabu. Jika peraturan ini tidak dipatuhi, individu tersebut dianggap sebagai tidak sopan dan tidak berbudaya.

Walau bagaimanapun, topik-topik yang menjadi tabu ini boleh dibicarakan di hadapan khalayak melalui dua cara, iaitu dengan menggunakan eufemisme (*euphemism*) dan sirkumlokusi (*circumlocution*). Eufemisme merujuk kepada perkataan atau frasa yang lebih halus dan sopan sifatnya untuk menggantikan perkataan atau frasa asalnya yang dianggap sebagai kasar atau lucu. Misalnya, perkataan ‘mati’ digantikan dengan perkataan ‘meninggal dunia’. Begitu juga dengan fungsi-fungsi badan yang menjadi tabu seperti ‘kentut’, ‘kencing’ dan ‘berak’ yang digantikan dengan ‘buang angin’, ‘buang air kecil’ dan ‘buang air besar’. Manakala, sirkumlokusi bermaksud penerangan yang panjang lebar dan kadangkalanya berbelit-belit. Misalnya, perkataan ‘berak’ digantikan dengan menyebut “perbuatan mengeluarkan hampas makanan dalam perut melalui dubur”. Namun, terdapat satu fenomena mengenai tabu bahasa dalam masyarakat Melayu. Apa yang menariknya, sesuatu perkataan atau ungkapan tabu itu hanya dilarang penggunaannya pada topik dan bidang tertentu sahaja. Misalnya, penggunaan perkataan ‘kencing’ dan ‘berak’ tidak pula dianggap kasar atau tidak sopan jika seseorang itu menyebut ungkapan seperti ‘kencing darah’, ‘kencing nanah’ dan ‘berak air’, iaitu merujuk kepada penyakit. Selain itu, ungkapan “ujian air kencing” juga merupakan item perubatan yang biasa digunakan. Begitu juga halnya dengan pepatah seperti, “*siapa hendak mengaku berak di tengah jalan*” dan “*guru kencing berdiri, murid kencing berlari*”. Pepatah dalam bahasa Melayu tersebut dianggap ungkapan sopan kerana perkataan ‘berak’ dan ‘kencing’ hanya

merupakan tabu jika merujuk kepada fungsi badan manusia. Tetapi, keadaannya adalah berbeza jika merujuk kepada fungsi badan haiwan. Kebiasaannya, seseorang itu akan melafazkan ungkapan seperti, “Kucing jiran sebelah selalu berak di halaman rumah saya”. Ungkapan ini dianggap tidak kasar dan tidak menjadi kesalahan dalam konteks kesantunan berbahasa.

2.5.2.3 Mematuhi Rumus Percakapan / Interaksi

Dalam konteks kesantunan berbahasa khususnya bahasa Melayu, terdapat beberapa rumus atau peraturan yang harus dipatuhi semasa berkomunikasi. Antara rumus tersebut termasuklah perbuatan seperti merendah diri, tidak berterus terang, mendiamkan diri dan tidak banyak bercakap. Secara asasnya, rumus percakapan merujuk kepada cara dan peraturan yang dikongsi bersama oleh sesebuah masyarakat yang mengawal pelakuan bahasa mereka. Ini bermakna, rumus percakapan tersebut antara lainnya menentukan bagaimana seseorang itu harus bertegur sapa, bertindak apabila dipuji dan mengakhiri sesuatu perbuatan. Dalam budaya Melayu, cara bercakap secara tidak berterus terang merupakan tema yang sangat penting. Individu yang mematuhi rumus percakapan seperti ini selalunya dianggap lebih sopan, beradab dan beradab. Sebaliknya, individu yang bercakap secara terus terang terutamanya ketika mengkritik akan dianggap sebagai tidak sopan dan tidak berbudaya.

Seperti yang telah dinyatakan di dalam Bab 1 (muka surat 4 hingga 5), budaya tidak berterus terang sudah menjadi kebiasaan dalam kehidupan orang

Melayu. Misalnya, walau bagaimana lapar atau dahaga pun seseorang itu, beliau hendaklah menolak tawaran makanan atau minuman itu pada kali pertama ia ditawarkan. Reaksi awal daripada pihak yang ditawarkan itu sangat penting supaya individu tersebut dianggap sopan dan beradab. Makanan atau minuman tersebut boleh diterima setelah beberapa kali ditawarkan dengan mengucapkan ungkapan seperti, “buat susah-susah sahaja” oleh pihak yang ditawarkan. Ungkapan itu harus pula dibalas dengan ungkapan seperti, “tak ada susah-susah pun” oleh pihak yang menawarkan makanan atau minuman tersebut. Realitinya, kedua-dua pihak menyedari bahawa ungkapan “buat susah-susah sahaja” dan “tak ada susah-susah pun” itu bersifat tidak berterus terang atau berpura-pura sahaja. Dalam erti kata lain, pihak yang membuat tawaran itu mengetahui bahawa pihak yang ditawarkan makanan atau minuman itu memang lapar atau dahaga. Manakala, pihak yang ditawarkan juga mengetahui bahawa sememangnya dia lapar atau dahaga. Walau bagaimanapun, rumus percakapan yang melibatkan dialog dan bersifat ‘palsu’ seperti ini harus dilalui oleh sesiapa sahaja. Ia bukan sahaja untuk memperlihatkan kesopanan tetapi juga merupakan salah satu norma penting dalam sistem sosial masyarakat Melayu. Apatah lagi, masyarakat Melayu memberikan penilaian positif ke atas pelakuan tersebut. Walau bagaimanapun, hal ini berbeza jika pihak yang menawar dan pihak yang ditawar mempunyai hubungan yang agak intim. Kebiasaannya, kedua-dua pihak akan berterus terang sebagai tanda keakraban hubungan yang terjalin.

Salah satu strategi kesantunan berbahasa yang diamalkan dalam masyarakat Melayu ialah berbohong. Dalam konteks bahasa/linguistik, berbohong

terjadi apabila seseorang itu mengetahui bahawa apa yang diperkatakannya itu tidak benar. Oleh yang demikian, tujuan seseorang itu berbohong hendaklah dikenal pasti supaya niat sebenarnya diketahui. Dalam hal ini, Teo Kok Seong telah memberikan dua istilah pembohongan iaitu, 'bohong betul' dan 'bohong sosial'. 'Bohong betul' merujuk kepada keadaan di mana seseorang itu sengaja berbohong dengan niat untuk memperdayakan pihak yang mendengar. Manakala, 'bohong sosial' pula dilakukan dengan niat untuk membawa kebaikan kepada pendengar. Maksudnya, ia bertujuan untuk berlaku sopan agar pihak yang mendengar tidak merasa tersinggung atau terkilan. Masyarakat Melayu sering menggunakan 'bohong sosial' kerana ia dikatakan mempunyai persamaan dengan konsep 'bohong sunat', iaitu berbohong kerana terpaksa tetapi bertujuan baik. Misalnya, menolak sesuatu permintaan yang tidak dapat dilaksanakan dengan memberikan pelbagai alasan yang tidak menyinggung perasaan pihak lain.

Masyarakat Melayu tradisional sentiasa menjaga tutur kata semasa berinteraksi kerana ia merupakan lambang kesopanan. Oleh itu, sesuatu maklumat yang disampaikan secara berselindung dianggap lebih sopan dan beradab. Hal ini dilakukan demi menjaga perasaan pihak yang terbabit supaya tidak terguris. Begitu juga dengan perbuatan mendiamkan diri terutamanya apabila ditegur oleh pihak yang lebih berpangkat, iaitu dari segi umur, jawatan, gelaran dan sebagainya. Amalan ini bertujuan untuk memelihara keutuhan organisasi sosial dalam masyarakat Melayu di samping berlaku sopan kepada pihak yang menegur itu. Selain itu, rumus percakapan semasa menerima pujian juga haruslah berlandaskan kepada konsep kesantunan berbahasa, iaitu memperlihatkan

kerendahan diri. Ini termasuklah mengatur pelbagai strategi seperti penolakan (“Tak adalah!” / “Macam ini dikatakan cantik?”), penafian (“Tak cantiknya!”) dan penurunan tahap (“Ini murah sahaja!” / “Beli di pasar malam” / “Jualan murah punya!”). Terdapat juga strategi lain seperti memperkuat pujian (“Mestilah!” / “Sememangnya cantik kerana baju ini mahal harganya!”), mengucapkan terima kasih kepada pihak yang memuji (“Terima kasih!”), bersetuju dengan apa yang diperkatakan (“Memang baju ini cantik kerana berjenama dan diimport pula!”), memberi pewajaran terhadap pujian (“Baju ini saya beli di butik di Paris!”) dan memperlihatkan perasaan hairan (“Betul?” / “Tak sangka baju ini cantik!”). Walau bagaimanapun, strategi-strategi tersebut bukanlah merupakan reaksi umum semasa menerima pujian dalam masyarakat Melayu, kecuali hubungan antara pihak yang memuji dengan pihak yang dipuji itu agak akrab.

2.5.2.4 Memahami Perlakuan Bahasa Bukan Verbal

Sesebuah percakapan itu tidak selalu bergantung pada pemilihan perkataan dan struktur ayat. Dalam konteks kesantunan berbahasa Melayu, tumpuan diberikan kepada cara sesuatu perkataan atau frasa itu diucapkan. Ia sering kali disertai oleh gerak badan yang melibatkan air muka, isyarat tangan, gaya dan kedudukan badan pihak yang bercakap. Pengetahuan dan penggunaan perlakuan bahasa bukan verbal ini secara tidak langsung memperlihatkan perwatakan pihak yang bercakap itu sebagai individu yang sopan, beradab dan beradab. Perlakuan bahasa bukan verbal antaranya adalah seperti di muka surat berikut:

1. Menggunakan tangan kanan

Anak-anak Melayu diajar supaya sentiasa menggunakan tangan kanan untuk memegang makanan, dan apabila memberi atau menerima sesuatu. Penggunaan tangan kiri hendaklah dielakkan jika sebelah tangan sahaja yang diperlukan. Memberi dan menerima sesuatu daripada seseorang dengan menggunakan tangan kiri dianggap sebagai perbuatan yang tidak sopan. Hal ini selaras dengan ajaran agama Islam yang mengutamakan penggunaan tangan kanan berbanding tangan kiri. Selain itu, penggunaan tangan kanan dengan tangan kiri memegang pergelangan tangan kanan apabila menerima sesuatu, dianggap lebih sopan daripada hanya menggunakan tangan kanan. Sekiranya tangan kanan seseorang itu kotor, dia hendaklah memberitahu bahawa terpaksa menggunakan tangan kiri.

2. Menuding jari

Dalam masyarakat Melayu, menuding jari telunjuk boleh dianggap sebagai perbuatan meninggikan diri, iaitu bermaksud mengarah atau memerintah pihak yang mendengar. Jika seseorang itu terpaksa menuding kepada sesuatu semasa bercakap, jari telunjuk tidak boleh digunakan. Sebaliknya, adalah lebih sopan jika ibu jari kanan digunakan.

3. Ucapan meminta izin

Seseorang itu hendaklah meminta izin terlebih dahulu jika harus lalu di hadapan pihak lain terutamanya orang yang lebih tua atau pihak yang lebih dihormati. Ucapan meminta izin itu boleh dilakukan dengan melafazkan ungkapan, "*minta lalu*" atau "*tumpang lalu*". Walau bagaimanapun, ucapan

meminta izin ini boleh digantikan dengan perlakuan verbal yang lain. Misalnya, perbuatan menundukkan kepala dan membongkokkan badan sedikit ketika lalu sambil meluruskan tangan kanan ke bawah. Ucapan “*minta lalu*” atau “*tumpang lalu*” yang diiringi oleh gerak badan yang menundukkan kepala dan membongkok sedikit itu dianggap sebagai perbuatan yang sangat sopan dalam masyarakat Melayu. Berjalan tanpa membongkokkan badan atau meminta izin terlebih dahulu dianggap sebagai tidak menghormati pihak lain yang berada di situ. Bahkan, ada yang beranggapan perbuatan tersebut sebagai tidak sopan, terutamanya jika dilakukan oleh anak-anak.

4. Menyentuh kepala

Kepala dianggap sebagai bahagian badan yang paling ‘dihormati’ oleh masyarakat Melayu. Menyentuh kepala pihak lain tanpa sebab yang wajar merupakan perbuatan yang dilarang atau tabu dalam masyarakat Melayu. Perbuatan menyentuh atau memukul kepala dikaitkan dengan maruah dan harga diri. Begitu juga, jika hendak memukul anak-anak dengan niat hendak memberikan pengajaran. Dalam hal ini, ibu bapa boleh memukul anak-anak mereka di bahagian anggota badan yang lain seperti di kaki dan tangan. Mereka percaya, perbuatan memukul di kepala bukan sahaja boleh mendatangkan kecederaan tetapi juga menjejaskan perkembangan mental anak-anak. Namun, kelonggaran menyentuh kepala tetap diberikan kepada pihak-pihak tertentu. Misalnya, jika pihak yang menyentuh kepala itu adalah tukang gunting yang bertujuan untuk menggunting rambut dan doktor yang memeriksa luka di kepala. Jika seseorang itu terpaksa menggunakan

tangannya dekat dengan kepala seseorang itu, maka dia perlu meminta izin terlebih dahulu dengan melafazkan ungkapan “*atas kepala*”. Bagi ibu bapa pula, menyentuh kepala anak-anak hendaklah dilakukan dengan lemah-lembut dan penuh kasih sayang. Tingkah laku ini dipercayai dapat mengeratkan hubungan antara ibu bapa dengan anak-anaknya.

2.5.2.5 Ulasan

Dalam kajiannya, Teo Kok Seong telah menegaskan bahawa kesantunan berbahasa banyak bergantung kepada pemboleh ubah sosial dan sosiobudaya. Antara isu menarik yang diketengahkan oleh Teo ialah masalah penggunaan kata ganti nama dalam bahasa Melayu, terutamanya kepada golongan bukan Melayu. Kenyataan Teo ini memang benar kerana hasil pemerhatian saya juga mendapati golongan ini tidak mempunyai kemahiran memilih bentuk kata yang sesuai mengikut konteks. Perkataan seperti “kamu” dan “awak” sering digunakan tanpa merujuk kepada status orang yang diajak berinteraksi. Akibatnya, golongan ini sering dilabelkan sebagai kasar dan tidak tahu menghormati orang Melayu. Selain itu, Teo juga menyarankan agar penutur bahasa Melayu lebih peka terhadap larangan penggunaan bahasa tabu supaya mereka tidak dianggap kasar dan biadab. Dalam hal ini, setiap penutur bahasa adalah dituntut untuk mematuhi rumus-rumus percakapan dalam masyarakat tersebut.

Selanjutnya, Teo memperkatakan mengenai perbuatan berbohong dalam masyarakat Melayu yang kononnya diterima sebagai salah satu strategi

kesantunan berbahasa. Dua istilah pemboghongan telah diberikan iaitu, ‘bohong betul’ dan ‘bohong sosial’. Dalam konteks kesantunan berbahasa, ‘bohong sosial’ dikatakan mempunyai persamaan dengan konsep ‘bohong sunat’, iaitu berbohong kerana terpaksa tetapi bertujuan baik. Persoalannya, adakah fenomena ‘bohong sosial’ ini dapat mengungkap nilai-nilai murni dalam masyarakat atau digunakan sekadar untuk menutup kesilapan atau kesalahan. Berdasarkan pemerhatian saya, ada golongan yang telah mengeksploitasikan istilah ‘bohong sosial’ ini demi mencapai sesuatu matlamat sedangkan perbuatan itu bercanggah dengan agama. Misalnya, seorang anak yang telah mencuri wang orang lain kemudiannya menggunakan wang tersebut untuk membeli makanan ibunya. Beliau kemudiannya melakukan ‘bohong sosial’ dengan mengakui bahawa makanan itu dibeli dengan wang daripada hasil titik peluhnya. Si anak tidak mahu berterus terang mungkin kerana tidak mahu mengguris hati ibunya tetapi kebenarannya si anak tadi telah melakukan kesalahan dan dosa. Dalam konteks Islam, matlamat tidak boleh menghalalkan cara. Apa sahaja matlamat yang ingin kita capai, kaedah pelaksanaannya mestilah tidak melanggar peraturan masyarakat dan hukum Allah. Sehubungan itu konsep ‘bohong sosial’ tidak boleh disamakan dengan konsep ‘bohong sunat’ walau dengan apa cara sekali pun.

Secara keseluruhannya, saya berpendapat kajian yang telah dilakukan oleh Teo Kok Seong ini banyak manfaatnya kepada masyarakat penutur bahasa Melayu, terutamanya orang Melayu. Melalui kajiannya, kita dapat mengetahui bentuk dan penggunaan bahasa Melayu secara mendalam dan seterusnya meningkatkan aspek kesantunan berbahasa dalam masyarakat Melayu.

2.5.3 Kajian oleh Asmah Hj. Omar (1992)

Asmah Haji Omar (1992) telah menulis suatu artikel yang bertajuk, “Indirectiveness as a Rules of Speaking Among the Malays” di dalam bukunya *The Linguistics Scenery in Malaysia*. Beliau membicarakan mengenai cara pertuturan orang Melayu, yang dikatakan sangat mementingkan aspek kesantunan agar tidak dianggap kurang sopan atau kurang adab. Ini selaras dengan tuntutan agama yang memandang tinggi terhadap insan yang berakhlak mulia dan luhur. Di dalam masyarakat Melayu, anak-anak dididik agar sentiasa berbudi bahasa dan mengamalkan nilai-nilai murni. Ibu bapa percaya didikan yang sempurna akan dapat melahirkan anak-anak yang baik akhlaknya. Oleh itu, pertuturan dan komunikasi dalam keluarga sangat dititikberatkan kerana ia akan mempengaruhi tingkah laku dan tutur kata anak-anak. Hakikatnya, keluarga sejak dari awal lagi merupakan agen sosialisasi yang menyediakan anak-anak dengan asas pengetahuan adat dan budaya sebelum diterima masuk ke dalam kelompok masyarakatnya.

Selanjutnya, Asmah menjelaskan masyarakat Melayu mengamalkan sikap tidak berterus terang apabila hendak menyampaikan maksud. Sebaliknya, aspek pragmatik akan diaplikasikan melalui penggunaan bahasa kiasan seperti ungkapan, pepatah, ibarat, perumpamaan dan sebagainya. Ini mungkin disebabkan sikap orang Melayu itu sendiri yang lebih suka merendah diri, tidak suka menunjuk-nunjuk, riak atau sombong. Fenomena ini menunjukkan bahawa pertuturan dalam masyarakat Melayu dipengaruhi oleh faktor sosiolinguistik dan

kebudayaan, yang membimbing anggota masyarakatnya supaya mematuhi peraturan-peraturan berkomunikasi. Misalnya, kanak-kanak telah dididik supaya tidak menyampuk ketika orang dewasa sedang bercakap. Kanak-kanak perempuan pula diajar supaya tunduk dan tidak melihat tepat ke mata penutur kerana perbuatan bertentang mata itu dianggap sebagai kurang sopan. Secara asasnya, peraturan bertingkah laku ini bertujuan untuk mendidik golongan muda supaya menghormati orang lain terutamanya orang yang lebih tua daripada mereka.

Seterusnya, Asmah menyatakan tentang penggunaan lambang dalam pertuturan orang Melayu. Lazimnya, alam semula jadi dijadikan objek atau lambang perbandingan ketika menyatakan sesuatu. Penggunaan perlambangan ini dikatakan banyak terdapat dalam pantun Melayu, simpulan bahasa, perumpamaan dan sebagainya. Orang Melayu percaya, penggunaan perlambangan adalah lebih berkesan, sopan dan tidak menyinggung perasaan pendengar terutamanya jika ingin menegur atau mengkritik seseorang itu. Misalnya, adalah lebih halus dan sopan menyatakan si A itu tangkai jering daripada berterus terang menyatakan si A itu kedekut. Unsur perlambangan juga turut digunakan dalam upacara merisik dan meminang gadis Melayu. Dalam hal ini, istilah diri individu digantikan dengan menggunakan lambang alam yang sesuai dan tepat. Misalnya, si gadis dirujuk sebagai 'bunga', manakala si teruna digelar 'kumbang'. Maka lahirah kata-kata seperti, "*Ada seekor kumbang yang ingin memetik bunga di taman sekiranya belum mempunyai lagi*". Selain itu, masyarakat Melayu juga mempunyai sifat merendah diri dan memandang tinggi kepada orang lain. Misalnya, ungkapan

“Saya mempunyai hadiah kecil untuk puan” menunjukkan sifat merendah diri yang mempunyai maksud yang terbalik. Ada kemungkinan, hadiah itu mempunyai nilai yang besar, bermutu dan cantik. Demikianlah rupa kesopanan dan kehalusan budi pekerti orang Melayu yang sememangnya luar biasa dan tersendiri.

2.5.3.1 Ulasan

Artikel yang telah dihasilkan oleh Asmah memperlihatkan kesungguhan dirinya untuk mendalami cara pertuturan orang Melayu khususnya yang bersifat pragmatik. Antara perkara menarik yang dibincangkan ialah mengenai didikan ibu bapa terhadap anak-anaknya semasa berkomunikasi. Ini termasuklah, mendidik mereka supaya tidak menyampuk ketika orang dewasa sedang bercakap kerana dianggap sebagai tidak sopan. Pada dasarnya, didikan asas ini sangat penting untuk dipatuhi oleh anak-anak kerana ia dapat membentuk perasaan hormat yang tinggi terhadap orang lain secara berterusan. Walau bagaimanapun, fenomena hari ini menyaksikan perubahan didikan di mana ada ibu bapa yang langsung tidak menegur perbuatan anak-anaknya yang suka menyampuk. Akibatnya, anak-anak itu membesar tanpa mendapat didikan yang sempurna dan tidak hairanlah jika suatu hari nanti mereka bersikap tidak sopan terhadap ibu bapa sendiri. Selain itu, Asmah juga memandang tinggi terhadap penggunaan kiasan Melayu dalam percakapan terutamanya apabila hendak mengkritik seseorang atau ketika hendak menyampaikan hasrat yang terpendam. Secara keseluruhannya, kajian Asmah ini dapat menyerlahkan kehalusan orang Melayu ketika berbahasa.

2.5.4 Kajian oleh Geoffrey Leech (1993)

Kajian tentang kesopanan dan kesantunan berbahasa turut mendapat perhatian daripada pengkaji-pengkaji luar negara. Salah seorang daripadanya yang terkenal ialah Geoffrey Leech. Beliau merupakan seorang pengkaji yang cenderung mengkaji mengenai kesantunan berbahasa sehingga berjaya memperkenalkan Prinsip Kesopanan (PS). Menurut prinsip ini, terdapat 2 konsep penting dalam kesantunan berbahasa, iaitu 'ambivalens' (*ambivalence*) dan prinsip-prinsip pragmatik (*Pragmatic Principles*). Ambivalens ialah ujaran yang mengandungi lebih daripada satu kuasa pragmatik yang berupaya menyampaikan mesej dalam dua keadaan. Misalnya, ujaran-ujaran yang diungkapkan oleh seseorang itu mungkin tidak disenangi oleh pendengar tetapi tidak pula membuatkan pendengar berasa hati atau tersinggung perasaannya. Manakala, prinsip pragmatik merupakan perlakuan ilokusi (melakukan lakuan *apabila* menyatakan sesuatu) yang cuba meminimumkan pernyataan kepercayaan yang tidak sopan dalam semua keadaan dan memaksimumkan pernyataan kepercayaan yang sopan.

Melalui konsep kesopanan Leech ini, perkara utama yang dititikberatkan ialah maksud yang ingin disampaikan dalam setiap komunikasi dan sejauh mana pendengar memahami makna sebenarnya. Ianya berpusat kepada diri sendiri, penutur, pendengar atau individu lain. Sehubungan itu, Leech telah menggariskan enam maksim, iaitu santun, kedermawanan, sokongan, kerendahan hati, persetujuan dan simpati (Leech, 1993:158). Keenam-enam maksim yang terdapat

dalam Prinsip Kesopanan ini bertujuan untuk menjelaskan batas, jenis serta bentuk-bentuk pertuturan atau bahasa yang sopan. Penjelasan lanjut mengenai maksim-maksim tersebut adalah seperti berikut:

2.5.4.1 Maksim Santun

Minimumkan kos bagi orang lain

Maksimumkan manfaat bagi orang lain

Menurut Leech, berlainan jenis darjah kesopanan diperlukan bagi keadaan yang berlainan. Pada dasarnya, kesopanan bersifat taksimetri, iaitu apa yang beradab pada pendengar atau pada pihak ketiga mungkin akan dianggap biadap oleh penutur. Sehubungan itu, maksim santun bertujuan untuk menggalakkan ungkapan pendapat yang lebih beradab dan bersopan santun. Maksim santun terbahagi kepada dua bahagian, iaitu kesopanan negatif dan kesopanan positif. Kesopanan negatif merupakan ujaran pendapat yang mengimpkasikan kos yang minimum kepada pendengar manakala kesopanan positif pula memberikan manfaat yang maksimum kepada pendengar. Bagi meminimumkan kos kepada pendengar, penutur perlulah mengurangkan atau melupakan terus pendapat yang berkos tinggi dan sukar diterima oleh pendengar. Oleh itu, penutur akan cuba sedaya upaya untuk mengujarkan pendapat yang kosnya bersifat minimum bagi mengelakkan berlakunya konflik dan salah faham terhadap pasangan komunikasinya. Kesopanan positif pula ialah usaha untuk memaksimumkan manfaat kepada pendengar. Oleh itu, penutur akan sedaya upaya memberikan pendapat yang dapat membawa manfaat kepada pendengar.

2.5.4.2 Maksim Kedermawanan

Minimumkan manfaat bagi diri sendiri

Maksimumkan kos bagi diri sendiri

Leech telah memperihalkan maksim ini sebagai suatu ujaran yang memberi keuntungan minimum bagi diri sendiri. Maksim ini berbeza dengan maksim santun kerana ia memberikan tumpuan kepada dua perkara penting, iaitu keuntungan dan kos bagi diri sendiri. Sesuatu ujaran itu akan dianggap lebih beradab jika penuturnya meminimumkan keuntungan kepada dirinya. Ini bermakna, penutur perlu sentiasa menilai dan menapis setiap ujarannya. Ia bertujuan bagi menjaga kehalusan bahasa supaya penutur dilihat sebagai orang yang beradab dan bersopan. Dari segi amalan, maksim kedermawanan bersifat berpusatkan kepada diri sendiri seperti mana contoh berikut:

- [1] *You can lend me your car. (*biadab*)
- [2] I can lend you my car.
- [3] You must come and have dinner with us.
- [4] *We must come and have dinner with you. (**biadab*)

(1993:160)

Tanda alfa (*) menunjukkan bahawa ujaran ini lebih tidak dapat diterima jika berasaskan kepada prinsip kesopanan. Manakala, tawaran dalam [2] dan jemputan [3] diandaikan beradab kerana kedua-duanya memanfaatkan *d* (orang lain) dan kedua-duanya mengimplikasikan kos terhadap *t* (diri sendiri). Walau bagaimanapun, dalam [1] dan [4] pertalian antara *t* dengan *d* pada kedua-dua

skala ini diterbalikkan, iaitu kedua-duanya memanfaatkan t dan kedua-duanya mengimplikasikan kos terhadap d .

2.5.4.3 Maksim Sokongan

Minimumkan cacian terhadap orang lain

Maksimumkan pujian terhadap orang lain

Maksim ini menggariskan prinsip supaya penutur tidak mengucapkan perkataan-perkataan yang tidak sopan terutamanya terhadap orang lain. Dalam hal ini, penutur seharusnya menggunakan kata-kata yang berunsur pujian atau ungkapan kata manis yang sedap didengar. Penggunaan kata-kata yang bersifat cacian tidak wajar digunakan kerana ia boleh menimbulkan perasaan benci dan sakit hati kepada orang yang dicaci. Malah, mencaci juga merupakan satu perbuatan yang dianggap biadap dan sukar dimaafkan. Sehubungan itu, pelbagai strategi ketakterusan berbahasa digunakan terutamanya bagi tujuan untuk meredakan kesan kritikan. Sesuatu ujaran itu dianggap semakin bersopan jika semakin tinggi kadar ketakterusan bahasa digunakan. Ini secara tidak langsung dapat mengawal diri penutur daripada mengungkapkan kata-kata yang tidak sopan dan yang berunsur cacian. Begitu juga dengan kata-kata pujian, semakin tinggi penggunaannya maka semakin tinggilah nilai kesopanan seseorang penutur itu.

Contohnya:

A : Her performance was outstanding!

B : Yes, wasn't it!

(1993:162)

2.5.4.4 Maksim Kerendahan Hati

Minimumkan pujian terhadap diri sendiri

Maksimumkan cacian terhadap diri sendiri

Maksim ini berbeza daripada Maksim Sokongan kerana ia lebih berpusatkan kepada diri sendiri dalam usaha melahirkan ujaran yang bersopan. Pada kebiasaannya, penutur akan bersikap rendah diri, baik hati dan sangat berhati-hati dalam percakapannya. Misalnya, penutur akan mudah meminta maaf dan mengaku salah jika dia ada melakukan kesilapan. Perbuatan meminta maaf dianggap sebagai salah satu cara untuk memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri kerana penutur dengan perasaan rendah diri mengakui kesilapannya. Konsep yang terdapat dalam Maksim Kerendahan Hati ini secara tidak langsung telah mendekatkan lagi jarak dan ruang hubungan antara penutur dengan orang lain. Sebaliknya, jika penutur mengambil sikap yang berlawanan dengan pernyataan maksim ini, maka dia akan dianggap sebagai seorang yang sombong dan bongkak sekaligus akan merenggangkan hubungan kedua-dua pihak. Maksim Kerendahan Hati selalunya wujud dalam bentuk tak simetri seperti contoh berikut:

[5] A: They were so kind to us.

B: Yes, they were, weren't they.

[6] A: You were so kind to us.

B: * Yes, I was, wasn't I.

[7] How stupid of me!

[7a] * How clever of me!

- [8] * How stupid of you!
- [8a] How clever of you!
- [9] Please accept this small gift as a token of our esteem.
- [10] * Please accept this large gift as a token of our esteem.

(1993:163-
164)

Berdasarkan kepada ujaran-ujaran di atas, ayat [5] adalah menyenangkan jika kita bersetuju dengan pujian orang lain dengan syarat pujian itu tidak ditujukan kepada diri kita sendiri. Secara yang serupa, ayat [7] memperlihatkan bagaimana cacian terhadap diri sendiri pun dapat diterima walaupun dilebih-lebihkan sedemikian rupa untuk mendatangkan kesan lucu. Pernyataan ayat [9] merupakan pernyataan biasa yang menekankan aspek kurang (*small*). Ia menggambarkan kemurahan hati pemberi dan jika pernyataan itu dikontraskan maka ia akan menjadi penyata yang melebih-lebihkan sifat murah hati seseorang seperti yang digambarkan dalam ayat [6] dan ayat [10]. Ini secara tidak langsung telah melanggar maksim kecil pertama dalam Maksim Kerendahan Hati, iaitu melakukan lakuan larangan sosial bercakap besar. Dalam masyarakat Melayu, sesuatu pujian biasanya akan ditolak kerana mereka merasa tidak layak untuk menerima pujian tersebut, atau kerana nilai-nilai kerendahan hati dalam diri penutur. Hal ini dapat dikaitkan dengan kenyataan Mahathir Mohamad (1982:190) yang menyatakan, “*Orang Melayu yang baik selalunya merendah diri, tidak menonjolkan dirinya...*”. Namun, dalam situasi tertentu sesuatu pujian itu boleh diterima tetapi haruslah bersyarat (Mohammad Fadzeli Jaafar, 1998:69).

2.5.4.5 Maksim Persetujuan

Minimumkan perbalahan antara diri sendiri dengan orang lain

Maksimumkan persetujuan antara diri sendiri dengan orang lain

Dalam maksim ini, sebarang pernyataan tidak setuju atau pernyataan yang boleh menimbulkan perbalahan cuba diminimumkan oleh penutur sama ada secara langsung atau tidak langsung. Manakala, ungkapan tanda setuju akan disampaikan dengan jelas di mana penutur berusaha untuk memaksimumkannya. Ini kerana, maksim persetujuan mengambil nilai tara pernyataan setuju iaitu antara diri sendiri dengan orang lain. Selain itu, darjat kesantunan akan menjadi semakin tinggi jika konsep ketakterusan berbahasa diterapkan dalam usaha mengelakkan perbalahan. Ini bermakna, semakin jelas pernyataan setuju seseorang itu maka semakin tinggilah darjat kesantunannya. Dalam perbualan juga, terdapat kecenderungan untuk melebih-lebihkan persetujuan terhadap pendapat orang lain. Manakala, untuk mengurangkan ketidaksetujuan boleh diungkapkan melalui rasa kesalan, dengan bersetuju secara separa sahaja dan lain-lain cara lagi. Berikut adalah beberapa contoh perbualan:

[11] *A: It was an interesting exhibition, wasn't it?*

B: No, it was very uninteresting.

[12] *A: A referendum will satisfy everybody.*

B: Yes, definitely.

[13] *A: English is a difficult language to learn.*

B: True, but the grammar is quite easy.

[14] *A: The book is tremendously well written.*

B: Yes, well written as a whole, but there are some rather boring patches, don't you think?

(1993:166)

Pernyataan tidak bersetuju secara separa dalam ayat [13] dan ayat [14] lebih disukai dan dianggap sopan berbanding dengan tidak bersetuju secara sepenuhnya seperti dalam ayat [11]. Manakala ayat [12] memberikan persetujuan sepenuhnya.

2.5.4.6 Maksim Simpati

Minimumkan antipati antara diri sendiri dengan orang lain

Maksimumkan simpati antara diri sendiri dengan orang lain

Maksim ini akan dipatuhi jika penutur meminimumkan pendapat yang boleh mengakibatkan antipati (rasa benci) dan memaksimumkan rasa belas kasihan dan simpati antara diri sendiri dengan orang lain. Melalui Maksim Simpati, ucapan tahniah dan ucapan takziah dianggap sebagai satu lakuan pertuturan beradab, walaupun ucapan takziah mengungkapkan pendapat yang negatif bagi pendengar. Misalnya:

[15] I'm terribly sorry to hear that your cat died.

[15a] I'm terribly pleased to hear that your cat died.

[16] I'm terribly sorry to hear about your cat.

[17] I'm delighted to hear about your cat.

(1993:167)

Ayat [15] merupakan ungkapan beradab jika dikontraskan dengan ayat [15a]. Dalam ayat [15a], pengucap kelihatan seolah-olah enggan mengungkapkan ucapan takziah dan apabila merujuk kepada isi proposisi, pengucap sebenarnya mengungkapkan suatu pendapat biadab atau pendapat yang tidak disukai oleh pendengar. Oleh yang demikian, adalah lebih baik jika ayat [16] yang dilafazkan dan bukannya ayat [15a]. Secara tidak langsung, dalam Maksim Simpati juga mempunyai kuasa sehinggakan tanpa maklumat lanjut, kita boleh mentafsir ayat [16] sebagai ucapan takziah iaitu ungkapan simpati atas kemalangan yang menimpa. Begitu juga, kita dapat mentafsir ayat [17] sebagai ucapan tahniah.

2.5.4.7 Ulasan

Prinsip Kesopanan yang diperkenalkan oleh Leech didapati lebih mementingkan budaya dalam masyarakat dan psikologi pengguna dalam menyampaikan maksud dengan berkesan. Berdasarkan konsep asasnya, sesuatu pertuturan biasanya bergantung kepada beberapa faktor relatif kekal seperti umur, jantina, status, darjah keintiman dan peranan. Ringkasnya, Prinsip Kesopanan bertujuan untuk mengurangkan ungkapan pendapat yang tidak beradab dan memperbanyakkan ungkapan pendapat yang beradab. Pendekatan prinsip kesopanan ini dapat dilihat melalui maksim yang berpasangan, iaitu meminimumkan pernyataan kepercayaan yang tidak sopan dan memaksimumkan kepercayaan yang sopan serta berpusat kepada diri sendiri, penutur, pendengar atau individu lain. Dengan menerapkan prinsip kesopanan ini, Leech mengandaikan tidak ada lagi ungkapan-ungkapan yang merendahkan atau

memperkecilkan diri orang lain. Sebaliknya, sesuatu komunikasi itu akan berjalan dengan lancar dan berkesan serta membolehkan masyarakat hidup dengan lebih harmoni.

Walau bagaimanapun, senario hari ini menyaksikan ada dalam kalangan orang Melayu yang tidak mengamalkan Prinsip Kesopanan Leech dalam komunikasi seharian. Pada pandangan saya, hal ini sedemikian kerana prinsip-prinsip kesopanan yang ditekankan oleh Leech ini ada kalanya menyekat kebebasan individu untuk menyampaikan maksud dengan jujur. Pada masa yang sama, perucap perlu sentiasa berhati-hati dengan tutur katanya supaya pendengar tidak berkecil hati. Hal ini menyebabkan perucap merasa kurang selesa kerana mereka tidak dapat berkomunikasi secara terbuka dan berterus terang. Berikutan itu, banyak perkara tidak dapat disampaikan dengan tepat. Selain itu, ada juga yang mengaplikasikan model kesopanan lain seperti Model Kesantunan Bahasa oleh Brown dan Levinson (1987) yang mementingkan konsep 'air muka'. Secara keseluruhannya, Prinsip Kesopanan Leech didapati mempunyai kaitan yang erat dengan budaya Melayu yang mengamalkan kesantunan berbahasa. Dalam hubungan ini, kiasan Melayu yang masih digunakan sehingga ke hari ini membuktikan bahawa orang Melayu kuat berpegang kepada norma-norma masyarakat. Ini termasuklah menjaga tutur kata dan tingkah laku supaya tidak menyinggung perasaan orang lain. Sehubungan itu, Prinsip Kesopanan Leech wajar dijadikan sumber rujukan, terutamanya dalam kajian yang bersifat pragmatik.

2.6 Kajian oleh Muriel Saville-Troike (1991)

Bidang komunikasi menjelaskan kepada kita mengenai perhubungan kekeluargaan, hubungan kemasyarakatan dan pengurusan sesebuah komuniti itu. Hubungan ini dilakukan melalui bahasa komunikasi yang melibatkan individu dengan individu, individu dengan kelompoknya, kelompok dengan masyarakat dan masyarakat dengan masyarakat lain ketika menjalani kehidupan seharian. Justeru, terdapat tata tertib dan adat sopan yang mesti dipatuhi ketika berkomunikasi. Secara asasnya, peraturan-peraturan ini dikenali sebagai etnografi komunikasi atau etnografi pertuturan. Muriel Saville-Troike melalui bukunya yang diterjemahkan oleh Ajid Che Kob, ada menjelaskan mengenai etnografi komunikasi. Menurut beliau, etnografi komunikasi merupakan satu bidang kajian yang masih baru dalam pendidikan bahasa dan masyarakat. Secara khususnya, etnografi komunikasi berkaitan dengan deskripsi dan analisis kebudayaan. Ini bermakna, bahasa berfungsi sebagai suatu bentuk kebudayaan yang ditentukan secara sosial. Seterusnya, bidang ini memberikan perhatian kepada komuniti bahasa, iaitu cara mereka berkomunikasi di dalam komuniti bahasa tersebut. Ini termasuklah cara ianya disusun dan diatur sebagai sistem kepada peristiwa komunikasi dan bagaimana ia berinteraksi dengan sistem-sistem lain dalam kebudayaan.

Kecekapan berkomunikasi bukan hanya melibatkan rumus atau peraturan komunikasi (linguistik dan sosiolinguistik) dan peraturan interaksi yang diamalkan bersama. Ia termasuk juga peraturan kebudayaan, pengetahuan yang

menjadi asas kepada konteks dan isian peristiwa komunikasi dan proses-proses interaksi. Menurut Saviile-Troike (1991:144), komunikasi yang sering berlaku dalam masyarakat berkecenderungan untuk dikategorikan dalam pelbagai peristiwa yang berlainan dengan suatu garis pemisah yang agak jelas di antara satu sama lain berserta dengan norma-norma perlakuan yang berbeza. Garis-garis pemisah merupakan elemen yang penting dan diperlukan dalam mengidentifikasikan peristiwa komunikasi. Misalnya, suatu perbualan telefon adalah satu peristiwa komunikasi yang disempadani oleh deringan telefon yang merupakan sebagai satu ‘panggilan’. Manakala, meletakkan gagangan telefon itu adalah sebagai satu ‘penutup’. Seterusnya, garis-garis pemisah peristiwa ini dapat ditandai oleh frasa-frasa beritual seperti, *Did you hear this one?* yang diikuti oleh gelak ketawa untuk mengikat satu jenaka atau, *Once upon a time* dan *They lived happily ever after* untuk menyimpulkan suatu cerita.

Selain itu, terdapat juga perubahan pada air muka, nada suara ataupun kedudukan badan bagi sesuatu peristiwa komunikasi dengan peristiwa yang berikutnya ataupun satu kesenyap-sunyian yang sekejap. Selanjutnya, Saviile-Troike (1991:145) merujuk kepada kenyataan Erickson dan Schultz yang menyatakan, berlaku perubahan-perubahan pada arah pandangan, perubahan dari segi ritma berbahasa dan kedudukan badan. Garis-garis pemisah ini juga berkemungkinan selari dengan perubahan para peserta, perubahan topik yang menjadi fokus atau perubahan dari segi tujuan umum komunikasi. Kebiasaannya, upacara ritual yang formal dalam sesuatu komuniti bahasa mempunyai garis-garis pemisah yang lebih jelas daripada yang tidak formal. Ini kerana terdapat darjah

ramalan yang tinggi dalam kandungan rutin sama ada dari segi berbahasa ataupun tanpa bahasa dalam setiap peristiwa itu. Seterusnya, Saville-Troike menjelaskan bahawa analisis sesuatu peristiwa komunikasi bermula dengan satu deskripsi mengenai komponen-komponen komunikasi yang berkemungkinan akan menjadi lebih menonjol. Hal ini akan dihuraikan dengan lebih lanjut lagi dalam Bab 3. Berikut adalah analisis peristiwa komunikasi:

1. Genre atau jenis peristiwa itu. Ia termasuklah jenaka, cerita, kuliah, sapaan, perbualan dan sebagainya;
2. Topik atau fokus rujukan, iaitu apa yang diperkatakan. Adalah didapati topik boleh mempengaruhi pemilihan atau penggunaan bentuk-bentuk bahasa yang tertentu;
3. Tujuan atau fungsi interaksi itu diadakan – sama ada untuk bertanya tentang sesuatu maklumat ataupun sekadar bertegur sapa;
4. Latar atau tempat di mana berlakunya interaksi bahasa itu. Ia termasuk juga lokasi, masa, musim, dan aspek-aspek fizikal situasi lain seperti saiz bilik, susunan perabot dan sebagainya;
5. Peserta termasuklah umur, jantina, etnik, status sosial mereka atau apa sahaja kategori-kategori lain yang ada kaitan dengan faktor-faktor tersebut;
6. Bentuk mesej termasuklah melalui saluran lisan, bukan lisan dan sifat kod yang digunakan seperti bahasa apa dan ragam apa;
7. Kandungan mesej atau rujukan denotatif pada permukaan luarannya dan apakah yang dikomunikasikan;

8. Urutan perilaku atau penyusunan perilaku komunikasi/berbahasa. Ini termasuklah giliran bercakap dan gejala tumpang tindih;
9. Peraturan interaksi atau apakah peraturan yang harus diperhatikan;
10. Norma-norma interpretasi termasuklah pengetahuan yang diketahui oleh semua, pra-andaian budaya yang berkaitan atau pemahaman yang sama-sama dimiliki bagi membolehkan penyimpulan-penyimpulan tertentu dilakukan.

2.6.1 Ulasan

Bahasa mempunyai pelbagai fungsi dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, fungsi bahasa adalah berbeza-beza bergantung kepada masyarakatnya. Oleh itu, kajian mengenai fungsi bahasa bukan sahaja memerlukan penaakulan tetapi juga penyelidikan. Dalam hal ini, kepentingan kognitif bahasa perlulah diteliti berdasarkan struktur dan pola-pola penggunaannya. Pola-pola penggunaan bahasa berlaku pada setiap tahap komunikasi, iaitu dalam masyarakat, kumpulan dan individu. Pada tahap masyarakat, pola komunikasi biasanya mengikut fungsi, kategori pertuturan, sikap dan konsepsi tentang bahasa dan penggunaannya. Selain itu, pola komunikasi juga berdasarkan jantina, umur, status sosial, pekerjaan dan sebagainya. Dalam konteks kajian, kepatuhan terhadap komponen-komponen komunikasi akan membolehkan seseorang itu berinteraksi dengan lebih baik. Manakala, kegagalan mematuhi akan menyebabkan berlakunya pergeseran sehingga mencetuskan peristiwa malu.

2.7 Kajian oleh Stella Ting-Toomey (1988)

Stella Ting-Toomey berkelulusan Doktor Falsafah dari University of Washington. Bidang penyelidikannya banyak tertumpu kepada kaedah pengurusan air muka dan bagaimana seseorang itu menangani konflik dalam dirinya. Sepanjang karier beliau, Ting-Toomey telah berjaya menghasilkan lebih daripada 70 artikel yang dimuatkan dalam pelbagai jurnal dan monograf. Ting-Toomey juga telah menulis dan menerbitkan lebih daripada 15 buah buku. Antara bukunya yang mendapat sambutan dan perhatian termasuklah *Understanding Intercultural Communication* (2005), *Managing Intercultural Conflict Effectively* (2001), *Communicating Across Cultures* (1999) dan *Communicating Effectively* (1999). Pada tahun 1988, Ting-Toomey telah memperkenalkan Teori Pengurusan Air Muka dan teori ini telah mendapat perhatian daripada para pengkaji khususnya kajian yang berkaitan dengan komunikasi antara budaya.

Berasaskan Teori Pengurusan Air Muka, Ting-Toomey (2003:434-441) telah mengemukakan beberapa andaian, iaitu:

1. Individu dari pelbagai budaya selalu berunding tentang air muka atau *'face'*. Ini kerana, air muka dapat meninggalkan kesan secara langsung dan tidak langsung terhadap imej atau peribadi seseorang individu itu. Ini termasuklah, bagaimana individu tersebut mahu orang lain melihat dirinya dan berurusan dengannya.

2. Kepentingan menjaga air muka di kalangan mereka dari budaya konteks tinggi adalah berbeza daripada kepentingan menjaga air muka dalam budaya konteks rendah.
3. Kepentingan air muka yang berbeza menyebabkan gaya menangani konflik juga turut berbeza.

Seterusnya, Ting-Toomey telah merujuk kepada kajian yang telah dibuat oleh seorang pakar psikologi di University of Illinois, iaitu Harry Triandis. Berdasarkan kepada kajian tersebut, Ting-Toomey merumuskan bahawa terdapat perbezaan yang ketara di antara budaya konteks rendah dan budaya konteks tinggi khususnya dalam memberikan makna tentang diri, matlamat dan tanggungjawab. Kemudiannya, perbezaan-perbezaan ini telah menghasilkan ciri-ciri tersendiri bagi kedua-dua budaya, iaitu konteks tinggi dan konteks rendah. Perbezaan dan ciri-ciri tersebut adalah seperti berikut:

Budaya konteks rendah:

1. Budaya dibentuk berasaskan keperluan dan matlamat individu.
2. Kawalan oleh peraturan individu.
3. Wujud identiti individu kerana individu dianggap unik.
4. Komunikasi berlaku secara terus terang tanpa ada unsur-unsur terselindung.
5. Mementingkan ketegasan dalam interaksi.
6. Makna adalah dalam perkataan itu.

Budaya konteks tinggi:

1. Budaya konteks tinggi dibentuk berdasarkan keperluan dan matlamat kumpulan.
2. Tindakan dikawal oleh norma-norma kumpulan.
3. Identiti kumpulan yang tinggi.
4. Cara berkomunikasi tidak terus, ada unsur-unsur berselindung atau 'cakap beralas'.
5. Mementingkan empati iaitu cubaan untuk memahami perasaan orang lain.
6. Makna komunikasi bergantung kepada keadaan atau situasi.

Melalui Teori Pengurusan Air Muka, Ting-Toomey telah mengemukakan empat gaya pengurusan air muka dan lima gaya pengurusan konflik. Gaya pengurusan air muka adalah berasaskan kepada sejauh manakah kebimbangan air muka (*face concern*) dan keperluan air muka (*face need*) seseorang itu. Ini termasuklah keinginan sama ada hendak melindungi air muka sendiri atau air muka orang lain. Penjelasan lanjut mengenai hal ini akan dimuatkan dalam Bab 3. Selain itu, teori ini turut menekankan mengenai nilai-nilai dan norma-norma yang diamalkan dalam budaya. Ini termasuklah cara bergaul, berinteraksi, berbincang, membuat keputusan, menyelesaikan masalah dan sebagainya. Justeru, timbul persoalan adakah kita lebih mengutamakan matlamat individu, iaitu diri sendiri atau matlamat kumpulan. Seterusnya, keutamaan matlamat itu nanti akan menentukan gaya pengurusan air muka dan gaya pengurusan konflik seseorang itu dalam menangani peristiwa malu.

2.7.1 Ulasan

Teori Pengurusan Air Muka Ting-Toomey didapati sesuai diaplikasikan dalam kajian konsep malu orang Melayu. Ini kerana teori ini menggariskan budaya sebagai asas utama dalam menentukan kepentingan menjaga 'air muka'. Dalam konteks kajian, orang Melayu yang juga masyarakat Timur didapati sangat mementingkan 'air muka'. Konsep muka tidak terbatas hanya dalam memperkatakan hubungan antara manusia dengan manusia tetapi lebih menjurus antara manusia dengan Tuhan. Hal ini jelas apabila manusia diseru supaya mengadapkan mukanya kepada Allah setiap kali menunaikan solat lima kali sehari. Begitu juga ketika mengambil air sembahyang, orang Islam hendaklah menyucikan mukanya dengan air yang bersih sebanyak tiga kali. Selain itu, 'air muka' juga disifatkan sebagai lambang maruah dan harga diri. Membicarakan tentang maruah dan harga diri, ia ada kaitannya dengan konsep malu orang Melayu yang sehati dan berakar umbi dalam kehidupan orang Melayu.

Selain itu, penekanan terhadap komunikasi antara budaya, iaitu budaya Timur dan Barat dilihat dapat menjelaskan isu perbezaan budaya yang terdapat dalam novel SAGA khususnya watak Munirah. Selanjutnya, teori ini turut menekankan agar seseorang itu mempelajari budaya sendiri dan budaya orang lain jika ingin terus berinteraksi dengan masyarakat sendiri mahupun masyarakat luar. Dalam hubungan ini, gaya pengurusan air muka dan gaya pengurusan konflik yang dipilih oleh orang Melayu dapat menentukan sejauh manakah peristiwa malu itu memberi kesan kepada mereka.